

**MAJLIS MESYUARAT NEGARA
BRUNEI DARUSSALAM**

**MESYUARAT PERTAMA DARI MUSIM PERMESYUARATAN KE-22
MAJLIS MESYUARAT NEGARA TAHUN 2026**

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
SABTU, 08 SYAWAL 1447H BERSAMAAN 28 MAC 2026M**

PJL11/01/2026

1

No. Soalan: PL130

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH
BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan tindakan kementerian keatas pengusaha yang telah melanggar atau *non-compliance* kepada syarat pensijilan dengan sengaja seperti menyimpan dan menjual bahan haram di premis?

JAWAPAN:

Kaola sukacita menyatakan bahawa setentunya KHEU memandang serius sebarang pelanggaran atau non-compliance kepada syarat pengasingan yang diperuntukkan dalam undang-undang bahkan ianya perbuatan yang boleh menimbulkan kemarahan, lebih dari setakat menyesali perbuatan yang tidak patuh dan tidak hormat kepada kepentingan awam itu.

Selaras dengan itu bagi memastikan yang berkenaan itu menghormati sensitiviti majoriti penduduk dan rakyat negara ini yang beragama Islam, tindakan yang wajar ke atas pelanggaran semacam itu termasuklah:

1. Menggantung atau membatalkan Sijil Halal dan Permit Halal yang diberikan sebelumnya kepada premis berkenaan.
2. Meningkatkan kekerapan pemeriksaan dan pengawasan.

-
3. Sekiranya hasil pemeriksaan dan pengawasan mendapati pelanggaran serius termasuk penyimpanan atau penjualan bahan-bahan, maka sijil halal/permit akan dibatalkan mengikut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa.
 4. Tindakan penguatkuasaan dan pendakwaan. Jika sabit kesalahan pengusaha boleh dikenakan denda, hukuman penjara, atau kedua-duanya sekali.
 5. Premis yang terlibat juga boleh dikehendaki melaksanakan tindakan pembetulan (*corrective action*) termasuk proses pembersihan dan sertu mengikut kaedah hukum syara'.
 6. Arahan penarikan balik produk (*product recall*) dengan mengarahkan pengusaha terlibat menarik balik produk serta merta dari pasaran dan diluputkan menurut prosedur yang ditetapkan.
 7. Dalam kes yang tidak melibatkan pelanggaran serius, Notis Ketidapatuhan akan dikeluarkan dan pengusaha dikehendaki melaksanakan tindakan pembetulan dalam tempoh yang ditetapkan.

No. Soalan: PL029

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan strategi untuk membangunkan Pusat Sejarah Brunei Darussalam (PSB) sebagai teras kepada ekosistem pengalaman sejarah bersepadu yang merangkumi muzium, tapak warisan, naratif digital dan laluan sejarah?

JAWAPAN:

Dalam menjadikan PSB sebagai teras kepada ekosistem pengalaman sejarah bersepadu yang merangkumi muzium, tapak warisan, naratif digital serta laluan sejarah negara, strategi utama PSB adalah berasaskan kepada pengukuhan kedudukannya sebagai sebuah Pusat Pesejarahan yang Autoritatif dan Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei. Kedudukan ini dibina melalui pencapaiannya dalam bidang penyelidikan, pemeliharaan warisan, pengukuhan fungsi rujukan, penerbitan ilmiah, transformasi digital serta jaringan kerjasama strategik di dalam dan luar negara.

Dari sudut penyelidikan, sehingga kini PSB telah berjaya mengumpul dan mendokumentasikan lebih daripada 10,000 bahan sejarah yang merangkumi sejarah Kesultanan Brunei, Salasilah Raja-Raja Brunei, tokoh-tokoh penting negara, tapak warisan serta sejarah masyarakat di seluruh negara. Bagi meningkatkan standard dan kualiti penyelidikan ini, PSB turut menjalinkan kerjasama dengan pelbagai institusi dalam dan luar negara seperti Universiti Brunei Darussalam, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Universiti Kebangsaan Malaysia serta Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim.

Dalam masa yang sama, usaha pemuliharaan makam Sultan-Sultan Brunei dan tapak bersejarah terus dilaksanakan secara berterusan. Inisiatif ini bukan sahaja memelihara warisan fizikal negara, bahkan menjadikannya sebagai pusat sumber ilmu dan rujukan sejarah Kesultanan Brunei yang dapat dimanfaatkan oleh generasi masa kini dan akan datang.

Dari segi pengukuhan fungsi rujukan pula, PSB kini menyimpan lebih daripada 87,000 koleksi bahan sejarah yang meliputi manuskrip, dokumen, buku ilmiah serta pelbagai sumber sejarah Kesultanan dan Borneo yang tersimpan di perpustakaan, Pusat Pengkajian Borneo dan Bahagian Penyelidikan. Sehingga kini hampir 50,000 bahan telah berjaya didigitalkan bagi memastikan pemeliharaan jangka panjang serta memudahkan akses kepada penyelidik, pelajar dan masyarakat umum.

Dalam bidang penerbitan pula, PSB telah menerbitkan lebih daripada 220 judul buku sejarah, termasuk karya akademik serta terjemahan dalam bahasa Arab dan Cina yang membantu memperkenalkan sejarah Brunei ke peringkat antarabangsa. Pencapaian ini sekali gus memperkukuhkan kedudukan PSB sebagai pusat rujukan sejarah Brunei dan Borneo yang autoritatif serta diyakini dan terus berkembang sebagai institusi ilmiah yang profesional di peringkat serantau dan global.

Selaras dengan perkembangan teknologi global, PSB turut melaksanakan transformasi digital dalam memperkaya pengalaman pameran melalui penggunaan teknologi *Augmented Reality*, *Virtual Reality*, paparan 360 darjah serta permainan video interaktif, hasil daripada kerjasama strategik bersama Universiti Teknologi Brunei. Selain itu, PSB juga mula menerapkan penggunaan kecerdasan buatan atau *Artificial Intelligence* (AI) dalam penghasilan bahan visual, penerbitan serta kandungan pameran digital bagi meningkatkan kualiti penyampaian maklumat sejarah. Dalam masa yang sama, usaha juga sedang dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman dan kemahiran pegawai serta kakitangan dalam penggunaan AI agar teknologi ini dapat dimanfaatkan secara optimum dalam penyelidikan dan pengurusan bahan sejarah.

Dari aspek pembudayaan sejarah, PSB terus memperluaskan capaian sejarah kepada masyarakat melalui pelbagai program pendidikan, forum, ceramah, bengkel serta jerayawara sejarah yang dilaksanakan di sekolah-sekolah, institusi pengajian tinggi, mukim dan kampung, agensi kerajaan serta sektor swasta. Dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini sahaja iaitu dari tahun 2023 hingga 2026, sebanyak 937 program dan aktiviti sejarah telah berjaya dilaksanakan yang melibatkan lebih daripada 165,000 peserta secara keseluruhannya. Selain itu, melalui program jerayawara seperti Kembara Sejarah dan Perjalanan Kebudayaan, PSB telah melaksanakan pelbagai pameran bergerak dan aktiviti sejarah ke seluruh negara yang turut melibatkan ribuan peserta setiap tahun. Pendekatan ini berjaya membawa sejarah keluar dari institusi dan mendekatkannya secara langsung kepada masyarakat, sekali gus meningkatkan kefahaman serta penghayatan terhadap sejarah negara dan falsafah Melayu Islam Beraja sebagai asas identiti kebangsaan. Berdasarkan daripada jumlah program dan aktiviti yang telah dilaksanakan, dalam tempoh dari bulan April 2025 hingga bulan Februari 2026 sahaja sebanyak 113 kerjasama strategik telah berjaya dilaksanakan.

Dalam aspek pembangunan kapasiti pula, PSB turut memberi penekanan kepada peningkatan profesionalisme pegawai dan kakitangannya melalui pelbagai latihan, seminar, bengkel serta persidangan ilmiah di dalam dan luar negara. Sepanjang tiga tahun kebelakangan ini sahaja, lebih daripada 300 program pembangunan kapasiti telah dilaksanakan bagi memperkukuhkan kepakaran dalam bidang penyelidikan sejarah, pemeliharaan warisan, teknologi digital dan penerbitan ilmiah.

Di samping itu, PSB juga memainkan peranan penting dalam menyokong pembangunan industri kreatif dan seni melalui penganjuran bengkel penulisan sejarah, pertandingan esei dan pidato sejarah, bengkel seni khat dan kaligrafi, penghasilan karya sastera dan syair sejarah serta dokumentari dan animasi sejarah yang memberi inspirasi kepada generasi muda untuk mengangkat sejarah negara melalui medium kreatif dan inovatif.

Dengan pencapaian dan hala tuju ini, PSB InsyaAllah akan terus berkembang bukan sahaja sebagai pusat sumber pensejarahan yang autoritatif, malah sebagai sebuah Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei yang berperanan memelihara, memperkasa dan memperluaskan ilmu persejarahan negara.

Melalui kekuatan penyelidikan, pemeliharaan warisan, penerbitan ilmiah, inovasi digital serta jaringan kerjasama strategik di dalam dan luar negara, PSB akan terus memperkukuhkan kedudukannya sebagai pusat rujukan sejarah yang diyakini, bukan sahaja di Negara Brunei Darussalam tetapi juga dikenali di peringkat serantau dan global, sekali gus memastikan legasi Kesultanan Brunei terus hidup, difahami dan dihormati oleh generasi masa depan serta masyarakat antarabangsa.

No. Soalan: PL082

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan bagaimanakah dapatan penyelidikan sejarah, arkeologi dan *oral history* dapat dimanfaatkan bagi mengenalpasti tapak-tapak bersejarah yang masih belum diterokai atau didokumentasikan?

JAWAPAN:

Perlu ditegaskan bahawa pengenalpastian dan dokumentasi tapak bersejarah tidak boleh dilakukan berdasarkan tafsiran atau andaian semata-mata. Sebaliknya, ia memerlukan pendekatan bersepadu yang berasaskan bukti kukuh melalui tiga kaedah utama:

i. Penyelidikan Sumber Bertulis (Manuskrip dan Bahan Arkib)

Penyelidikan dimulakan dengan meneliti sumber bertulis seperti Salasilah Raja-Raja Brunei, Syair, surat perjanjian lama serta catatan pengembara dan perdagangan Barat. Dokumen yang tersimpan di Arkib Negara Brunei Darussalam, perpustakaan dan muzium ini dianalisis secara kritikal untuk mengenal pasti petunjuk lokasi yang berpotensi menjadi tapak bersejarah. Kajian ini penting sebagai asas rujukan ilmiah dalam memahami perkembangan sejarah, pemerintahan dan penempatan awal yang membentuk identiti warisan negara.

ii. Kajian Arkeologi dan Bukti Fizikal

Hipotesis daripada sumber bertulis kemudiannya diuji melalui kajian lapangan dan penemuan arkeologi seperti serpihan tembikar, alat batu, struktur binaan lama, batu nisan, makam serta tinggalan sejarah maritim. Bukti fizikal ini memberikan pengesahan saintifik tentang kewujudan aktiviti manusia pada sesuatu tempoh sejarah serta membantu menentukan kepentingan dan fungsi sesebuah tapak sebagai sebahagian daripada khazanah warisan negara.

Sebagai contoh Tapak Sungai Lumut telah mula digali sejak tahun 1968, 1978 dan 1980an. Penyelidikan dan penggalian seterusnya dijalankan pada 10 Julai 1999 dan menemui beberapa keping pecahan artifak seperti manik dan tembikar.

Selain itu, kerja-kerja penyelidikan di tapak projek pembinaan rumah di Mukim Peramu dan Kampong Saba, Mukim Saba telah dijalankan pada 26 Mei 2011, 30 Mei 2011 dan 14 Jun 2011. Projek penyelidikan ini adalah merupakan susulan laporan daripada Jabatan Kerja Raya mengenai penemuan artifak semasa projek dijalankan. Lawatan tersebut telah menemui sejumlah artifak termasuk pecahan tembikar sebanyak 108. Kerja-kerja pemantauan bagi projek *The Regeneration of River Eco-Corridor* telah diadakan pada tahun 2014 di Kampong Sumbiling Lama memandangkan kampong tersebut mempunyai sejarah dan potensi dalam penemuan arkeologi.

Walaupun bagaimanapun, hasil pemantauan bersama pihak Jabatan Kerja Raya mengesahkan bahawa tidak menemui sebarang artifak lama di kawasan tersebut. Seterusnya, kerja-kerja penyelidikan dan penggalian berterusan di Tapak Kota Batu dengan kerjasama Pusat Sejarah Brunei telah dilaksanakan pada tahun 2024 dan menemukan beberapa peninggalan artifak seperti pecahan batu nisan, pecahan badan makam dan seramik.

Kesemua contoh ini menunjukkan bahawa penemuan bahan arkeologi bukan sahaja berfungsi sebagai bukti sejarah tetapi juga sebagai panduan penting dalam mengenal pasti tapak baharu yang mempunyai potensi untuk diterokai dan didokumentasikan.

iii. Pengukuhan melalui Sejarah Lisan

Maklumat daripada komuniti setempat termasuk orang-orang tua dan pengkaji tempatan disemak silang dengan dokumen dan artifak arkeologi. Tradisi lisan ini menyimpan ingatan kolektif yang membantu mengenal pasti tapak bersejarah serta memperkukuh pemeliharaan nilai sejarah dan budaya untuk generasi akan datang.

Apabila ketiga-tiga sumber ini digabungkan dan dibandingkan, penyelidik dapat mengenal pasti pola serta persamaan ciri geografi sesuatu kawasan, seterusnya meramalkan lokasi lain yang berpotensi mempunyai tinggalan budaya. Kawasan yang dikenal pasti kemudiannya boleh disahkan melalui tinjauan lapangan dan dokumentasi sistematik bagi memastikan tapak tersebut direkodkan dan dipelihara dengan sewajarnya. Selain itu, pemantauan kawasan yang terlibat dalam pembangunan baharu, turut membantu bagi memastikan sebarang penemuan artifak arkeologi dapat dikenal pasti dan direkodkan, sebelum kerja-kerja tanah dimulakan.

Oleh itu, usaha dan pendekatan yang bersepadu ini amat penting bagi menjamin kelestarian tinggalan budaya untuk rujukan serta manfaat generasi akan datang.

No. Soalan: PL154

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah pencegahan kementerian dalam membantu pengenalpastian awal tingkah laku yang tidak selamat, dengan mengambil kira peningkatan kes yang dilaporkan dengan pelaksanaan Rangka Kerja Kebangsaan bagi Perlindungan Kanak-Kanak (NFCP). Bagaimana golongan belia boleh menyokong usaha pencegahan ini?

JAWAPAN:

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyambut baik dan menyokong penglibatan golongan belia secara lebih aktif dalam usaha pengenalpastian awal serta pencegahan tingkah laku yang tidak selamat terhadap kanak-kanak, khususnya dalam konteks peningkatan kes yang dilaporkan selaras dengan pelaksanaan Rangka Kerja Kebangsaan bagi Perlindungan Kanak-Kanak (NFCP). Pendekatan ini sejajar dengan prinsip *Whole-of-Nation approach* yang menekankan peranan semua lapisan masyarakat, termasuk belia, sebagai rakan strategik dalam perlindungan kanak-kanak.

Pengalaman dan amalan baik di negara lain seperti Singapura (*Youth Civil Society Organisation*) menunjukkan bahawa penglibatan belia melalui platform sukarelawan dan pertubuhan masyarakat sivil dapat menyumbang secara signifikan dalam aspek pengesanan awal, pencegahan dan sokongan komuniti. Dalam konteks ini, potensi belia di negara ini boleh dimanfaatkan secara lebih sistematik dan terancang.

Memandangkan NFCP merangkumi empat sektor utama iaitu Sektor Pendidikan; Sektor Penguatkuasaan, Sektor Kesihatan dan Sektor Perkhidmatan Sosial, oleh itu, khususnya di bawah sektor Perkhidmatan Sosial, Kementerian ini melihat peluang untuk memperkukuh pemahaman golongan belia mengenai kerangka ini melalui sesi taklimat dan pendedahan yang bersesuaian, terutamanya kepada belia yang terlibat sebagai sukarelawan.

Pendekatan ini membolehkan belia berperanan sebagai ejen kesedaran (*awareness*) di peringkat masyarakat, termasuk menjadi mentor atau rujukan awal dalam mengenal pasti tanda-tanda awal kanak-kanak yang berpotensi menjadi mangsa.

Secara keseluruhannya, NFCP sememangnya memberi penekanan kepada pengesanan awal dan perlindungan kanak-kanak yang berisiko. Oleh itu, sokongan dan penglibatan belia secara berstruktur bukan sahaja dapat memperluaskan capaian usaha pencegahan, malah turut memperkukuh jaringan perlindungan komuniti secara holistik dan mampan.

No. Soalan: PL088 & PL139

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT HAJI AWANG SULAIMAN
BIN HAJI NASIR**

**YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA
JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG
HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA
KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT HAJI AWANG SULAIMAN BIN HAJI NASIR meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan apakah inisiatif pembangunan Pekan Bangar yang diselaraskan dengan agenda pembangunan sosioekonomi Daerah Temburong secara keseluruhan, yang dapat membantu Pekan Bangar agar mempunyai identiti perniagaan tersendiri.

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini dalam usaha memperkasakan sosioekonomi masyarakat melalui 1K1P khususnya dalam mengaplikasikan teknologi tinggi dan penghasilan produk nilai tambah berskala besar bagi memastikan produk tempatan lebih berdaya saing serta mampu menembusi pasaran antarabangsa secara meluas?

JAWAPAN:

Sejak penubuhan Agensi Kemajuan Daerah Temburong (AKDT) dan setelah penyerahan fungsi agensi berkenaan dari Kementerian Kewangan dan Ekonomi kepada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) pada 1hb., Jun 2024, pelbagai inisiatif pembangunan telah dan sedang dilaksanakan bagi memperkukuh pembangunan sosioekonomi Daerah Temburong secara menyeluruh, termasuk usaha memposisikan Pekan Bangar sebagai pusat aktiviti ekonomi dan keusahawanan komuniti yang mempunyai identiti tersendiri.

Antara langkah awal yang telah diambil ialah melalui pengurusan dan pengaktifan semula beberapa aset kerajaan di Pekan Bangar, termasuk Bangunan Kompleks Bumiputera Utama, Bangunan Kompleks Bumiputera Perniagaan, Bangunan Kedai Rakyat Jati, Tamu Aneka, Ruang Legar Pekan Bangar (*Supertree*), kawasan Dermaga Pekan Bangar serta kemudahan tandas awam.

Sebagai sebahagian daripada usaha tersebut, Bangunan Kedai Rakyat Jati telah dinaiktaraf dan dijadikan lokasi penubuhan Kedai Kampung, iaitu pusat pemasaran produk tempatan di bawah inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P).

Kedai Kampung ini menyediakan ruang niaga khusus bagi menyokong pertumbuhan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan. Premis ini dikendalikan oleh Majlis Perundingan Kampung Selangan, Parit dan Biang Menengah dan menempatkan peniaga daripada kira-kira 200 pengusaha produk tempatan, dengan purata jualan sekitar \$40,000.00 sebulan.

Inisiatif ini secara langsung membantu memperkukuh identiti Pekan Bangar sebagai pusat pemasaran produk tempatan Daerah Temburong. Selain itu, kawasan Dermaga Pekan Bangar turut dinaiktaraf dan dimanfaatkan sebagai hab utama pelbagai aktiviti ekonomi dan sosial, termasuk penganjuran Program Ke Temburong Bisai, aktiviti riadah komuniti serta pelbagai acara negara. Kawasan *Supertree* di Pekan Bangar juga dimanfaatkan sebagai lokasi strategik bagi penganjuran expo, jualan dan acara komuniti yang bertujuan merencanakan lagi kegiatan ekonomi setempat.

Perkembangan sosioekonomi di daerah ini juga tidak hanya tertumpu kepada pembangunan infrastruktur semata-mata. Antara inisiatif yang turut dilaksanakan ialah Program Ke Temburong Bisai, yang bertujuan menarik kehadiran pengunjung ke Pekan Bangar serta merencanakan aktiviti ekonomi setempat. Sejak pelaksanaannya pada tahun 2022, sebanyak 13 acara telah dianjurkan, dengan purata kehadiran antara 1,000 hingga 2,000 pengunjung bagi setiap penganjuran serta berjaya menjana pendapatan sekitar \$500.00 hingga \$1,000.00 bagi setiap pengusaha yang terlibat.

Dalam masa yang sama, pemerksaan ekonomi komuniti melalui inisiatif 1K1P turut diperkukuhkan di seluruh negara. Sebagai contoh, di Daerah Belait, sebuah Pusat 1K1P telah dirasmikan pada 9hb., November 2025 di tapak bekas Pejabat Pos Lama Kuala Belait. Pusat ini berfungsi sebagai *one-stop centre* bagi memasarkan produk tempatan di bawah pengendalian Majlis Perundingan Mukim dan Kampung melalui Badan Kebajikan Penghulu Mukim, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang (PEKERUPA) dengan sokongan sebuah syarikat tempatan sebagai pengendali utama. Sejak perasmiannya pada 9hb, November 2025 sehingga penghujung Februari 2026, seramai 109 pengusaha termasuk peserta di bawah Projek TUNAS BIBD dan *Bruneian Made BEDB* telah menyertai pusat tersebut dengan jumlah jualan sebanyak \$17,245.00 bagi tempoh November 2025 hingga Februari 2026.

Selain itu, Kedai Kampung turut dibukakan di Dewan Kemasyarakatan Kampung Pandan pada 1 Februari 2026 sebagai platform tambahan kepada para pengusaha tempatan untuk memasarkan produk mereka. Sejak pembukaannya pada 1hb. Februari, 2026 sehingga hujung bulan Februari 2026 seramai empat pengusaha telah beroperasi di premis tersebut dengan jumlah jualan sekitar \$300.00.

Di Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Daerah turut melaksanakan inisiatif yang sama melalui pelancaran Kedai Kampung di Kantin Dewan Muhibbah pada 24hb., November 2025, yang dikendalikan oleh Majlis Perundingan Mukim dan Kampung Lumapas berasaskan konsep kerjasama komuniti. Sehingga kini, seramai 45 peniaga PMKS telah terlibat dan berjaya menjana pendapatan sebanyak \$10,054.00 bagi tempoh November hingga Disember 2025.

Dari segi penggunaan teknologi, sebahagian pengusaha di bawah inisiatif 1K1P telah mula mengaplikasikan teknologi asas bagi meningkatkan kecekapan proses pengeluaran. Sebagai contoh:

- Di Daerah Tutong, penghasilan seni ukiran kayu menggunakan mesin bagi mempercepatkan proses kerja;
- Di Daerah Belait, penggunaan teknologi sublimasi (*sublimation*) bagi menghasilkan produk seperti magnet peti sejuk dan cawan dengan kapasiti sehingga 20 mug dan 40 magnet sehari;
- Manakala di Daerah Temburong, penggunaan peralatan pemprosesan moden seperti mesin pengadun dan *dough sheeter* yang dibekalkan melalui peruntukan Kementerian pada tahun 2014 bagi pembuatan kripap mini telah meningkatkan kapasiti pengeluaran daripada sekitar 1,500 biji kepada 4,500 biji sebulan, di samping menyumbang kepada peningkatan hasil jualan daripada kira-kira \$250.00 kepada \$750.00.

Walaupun kapasiti pengeluaran menggunakan ketuhar pengering yang dibekalkan melalui peruntukan Kementerian pada tahun 2013 adalah sekitar 6 hingga 9 kilogram sehari, penggunaan peralatan tersebut membantu memastikan pengeluaran lebih konsisten berbanding kaedah menjemur di bawah cahaya matahari yang mudah terjejas apabila cuaca tidak menentu. Kestabilan pengeluaran ini turut menyumbang kepada peningkatan hasil jualan, di mana dari Januari 2025 hingga Disember 2025, jumlah jualan mencatatkan sebanyak \$68,213, berbanding anggaran hanya sekitar \$17,053 sekiranya pengeluaran masih bergantung kepada kaedah tradisional semata-mata, menunjukkan peningkatan yang ketara iaitu kira-kira 3 hingga 4 kali ganda.

Walau bagaimanapun, kebanyakan pengusaha 1K1P masih beroperasi pada skala kecil sebagai industri kampung (*cottage industry*), di mana penggunaan teknologi berperanan sebagai sokongan untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran tanpa menjejaskan keaslian dan identiti produk tempatan Brunei.

Dalam masa yang sama, usaha juga telah diambil untuk memperluaskan pasaran produk tempatan ke peringkat antarabangsa, antaranya melalui penghantaran produk 1K1P ke Republik Rakyat China melalui Kerjasama Kedutaan Negara Brunei Darussalam bagi tujuan pameran dan promosi di pasaran luar negara, serta pemberian sebagai cenderahati dalam majlis dan acara rasmi termasuk mesyuarat serta lawatan kerja di luar negara.

Dari segi kapasiti pengeluaran, secara umumnya pengusaha 1K1P berupaya memenuhi permintaan pasaran domestik, tertakluk kepada jenis produk dan keadaan tertentu. Sebagai contoh, pengusaha kraftangan di Rumah Panjang Melilas mampu menjana pendapatan tidak kurang daripada \$500.00 sebulan melalui penghasilan produk anyaman, dan pernah mencapai lebih \$100,000.00 semasa penyediaan tempahan khas bag buku Dirgahayu. Dengan sokongan lapan tenaga kerja, pengusaha tersebut mampu menghasilkan sekitar 50 unit produk kecil dan 20 unit produk besar seminggu, bergantung kepada reka bentuk.

Manakala bagi pengusaha keropok udang di Kampung Sungai Bunga, purata pendapatan bulanan adalah sekitar \$5,600.00 dengan jumlah tempahan kira-kira 150 kilogram sebulan. Dari segi pengeluaran, pengusaha mampu menghasilkan sekitar 36 hingga 60 kilogram seminggu dengan bantuan dua pekerja tetap dan dua pekerja sambilan. Walau bagaimanapun, terdapat keadaan tertentu di mana permintaan yang lebih tinggi tidak dapat dipenuhi sepenuhnya disebabkan kekangan bekalan bahan mentah yang bergantung kepada musim.

Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa pengusaha 1K1P pada masa ini berupaya memenuhi permintaan pasaran tempatan dan menjana pendapatan komuniti, dengan potensi untuk meningkatkan pengeluaran melalui pengukuhan kemudahan peralatan serta bekalan bahan mentah.

Dalam jangka masa panjang, pendekatan pembangunan Pekan Bangar tidak hanya tertumpu kepada pengaktifan aset fizikal sematamata, tetapi juga kepada usaha membina ekosistem ekonomi komuniti yang mampan melalui penglibatan aktif usahawan tempatan, Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta kerjasama antara agensi kerajaan.

Melalui inisiatif seperti Kedai Kampung, Program Ke Temburong Bisai serta pemerksaan produk di bawah inisiatif Satu Kampung Satu Produk (1K1P), Pekan Bangar sedang diperkembangkan sebagai sebuah pusat keusahawanan komuniti dan pemasaran produk tempatan yang mempunyai identiti tersendiri di Daerah Temburong. Pendekatan ini juga memberi penekanan kepada pengukuhan ekonomi berasaskan komuniti (*community-based economy*) di mana sokongan dan dokongan dari seluruh lapisan masyarakat setempat menjadi pemacu utama kepada kejayaan dan pertumbuhan aktiviti ekonomi.

Dalam masa yang sama, kerajaan akan terus memperkukuhkan sokongan kepada pengusaha tempatan termasuk dalam aspek pembangunan kapasiti, penggunaan teknologi yang bersesuaian serta peluasan pasaran, supaya produk tempatan bukan sahaja mampu memenuhi permintaan domestik, malah berpotensi untuk menembusi pasaran antarabangsa. Usaha ini adalah selaras dengan Matlamat 3 dibawah aspirasi Wawasan Brunei 2035 iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

No. Soalan: PL163

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan tahap adaptasi pendekatan *Regenerative Agriculture* oleh sektor pertanian negara? Berapakah anggaran jangka masa bagi pulangan pelaburan (*return on investment*) yang dikenal pasti bagi petani dan kerajaan berdasarkan penilaian kementerian?

JAWAPAN:

Antara pendekatan *Regenerative Agriculture (RA)* bertujuan untuk mengoptimumkan hasil tanaman melalui pemulihan kesuburan tanah secara semula jadi, dengan menggunakan kompos yang dihasilkan daripada bahan organik pertanian tanpa menjejaskan sumber semula jadi. Ianya merupakan salah satu amalan pertanian mampan yang sedang diperkenalkan secara berperingkat di Negara Brunei Darussalam sebagai sebahagian daripada usaha memperkukuh produktiviti sektor pertanian dalam jangka masa panjang.

Pada masa ini, tahap adaptasi pendekatan tersebut masih berada pada peringkat awal pelaksanaan, khususnya melalui projek rintis kajian dan demonstrasi ladang yang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Melalui projek rintis ini, seramai lima orang pengusaha tanaman serta sebuah syarikat berkaitan Kerajaan dalam sektor padi sedang melaksanakan amalan yang berpandukan prinsip *Regenerative Agriculture*.

Pendekatan ini memberi tumpuan kepada pemulihan kesihatan tanah melalui peningkatan bahan organik, pengurangan penggunaan input kimia serta pengurusan tanah yang lebih lestari, dengan matlamat meningkatkan daya tahan tanah dan produktiviti ladang dalam jangka masa panjang.

Dalam memperkukuh penyelidikan dan pembangunan dalam bidang ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan turut bekerjasama dengan institusi pengajian tinggi tempatan seperti Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bagi menjalankan kajian berkaitan keberkesanan amalan *Regenerative Agriculture* dalam konteks keadaan tanah dan iklim di negara ini. Pertanian dan Agrimakanan sedang melaksanakan projek kolaborasi peningkatan kesuburan dan kesihatan tanah.

Setakat ini, pengusaha secara umumnya hanya menggunakan baja kimia dalam ladang Kawasan Kemajuan Pertanian (KKP) untuk mengawal tahap keasidan tanah seperti baja kapur dolomit. Walau bagaimanapun, baja ini hanya berkesan dalam tempoh masa jangka pendek dan perlu di import daripada luar negeri. Baja kimia secara lazimnya juga tidak memanfaatkan kelestarian kesuburan dan kesihatan tanah dalam memperkukuhkan produktiviti sektor pertanian dalam jangka masa panjang.

Mengenai pulangan pelaburan (*return on investment* – ROI), penilaian secara menyeluruh masih dijalankan memandangkan manfaat *Regenerative Agriculture* lazimnya dapat dilihat secara lebih jelas selepas beberapa musim penanaman apabila keadaan kesuburan tanah mula bertambah baik.

Berdasarkan pendapatan awal projek rintis kajian di peringkat ladang, pendekatan ini telah menunjukkan peningkatan hasil produktiviti yang positif sebanyak minima 20% beserta dengan peningkatan nilai kesuburan tanah dan kesihatan tanaman. Melalui pendekatan ini, kos penggunaan input kimia seperti baja dan racun perosak boleh dikurangkan lalu menjimatkan kos perbelanjaan peladang dan syarikat sektor pertanian di Negara ini. dalam pengurangan kos penggunaan input kimia seperti baja dan racun perosak serta peningkatan kesuburan tanah dan kestabilan hasil tanaman.

Bagi pihak Kerajaan, pendekatan ini juga memberi manfaat jangka panjang melalui pengurusan sumber tanah yang lebih mampan, pengurangan tekanan terhadap alam sekitar serta pengukuhan sekuriti pengeluaran makanan negara.

Sehubungan itu, Kementerian akan terus menilai keberkesanan pendekatan ini melalui projek rintis yang sedang dilaksanakan sebelum memperluaskan penggunaannya secara lebih meluas dalam sektor pertanian negara.

No. Soalan: PL102

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan bagaimana kementerian mentakrifkan hasil pertanian bermutu tinggi dan bagaimana pematuhan piawaian di peringkat pengeluaran dilaksanakan dan dikuatkuasa?

JAWAPAN:

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan mentakrifkan hasil pertanian bermutu tinggi sebagai produk yang memenuhi piawaian keselamatan makanan, kualiti fizikal serta pematuhan kepada peraturan dan standard pengeluaran yang ditetapkan. Produk tersebut bukan sahaja berkualiti dari segi rupa, rasa dan kesegaran, tetapi juga selamat untuk dimakan serta dihasilkan melalui amalan pengeluaran yang baik dan terkawal.

Dalam memastikan hasil pertanian tempatan memenuhi piawaian ini, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melaksanakan pendekatan yang berstruktur merangkumi pensijilan, pemantauan serta penguatkuasaan pematuhan di peringkat pengeluaran.

1. Pelaksanaan skim pensijilan dan pengiktirafan

Jabatan memperkenalkan skim pensijilan seperti *Brunei Good Agricultural Practices (BGAP)* dan *Brunei Pesticide Free (BPF)* yang bertujuan memastikan pengeluaran hasil tanaman dilaksanakan mengikut amalan pertanian yang baik serta penggunaan input pertanian yang terkawal. Pensijilan ini turut disokong oleh audit pematuhan yang dijalankan secara berkala sebelum dan selepas pengiktirafan diberikan.

2. Pemantauan dan pemeriksaan secara berkala di peringkat ladang

Pemantauan dilaksanakan melalui lawatan pemeriksaan ke ladang dan rumah pembungkusan, di samping pensampelan hasil bagi tujuan analisis residu racun perosak serta ujian makmal. Semakan rekod penggunaan input seperti racun perosak, baja dan bahan kawalan biologi turut dilaksanakan bagi memastikan pematuhan kepada piawaian yang ditetapkan.

3. Pembangunan kapasiti dan bimbingan teknikal kepada pengusaha

Selain penguatkuasaan, Kementerian turut memberi penekanan kepada pendidikan dan pembangunan kapasiti pengusaha melalui latihan, taklimat serta khidmat nasihat teknikal. Garis panduan serta *standard operating procedure* (SOP) turut disediakan bagi membantu pengusaha melaksanakan amalan pengeluaran yang selamat dan berkualiti.

Di samping itu, bagi produk agrimakanan yang diproses, Kementerian juga memudah cara pengusaha mendapatkan pensijilan keselamatan makanan seperti GMP dan HACCP serta menjalankan pensampelan produk untuk analisis mikrobiologi dan kimia bagi memastikan pematuhan kepada keperluan keselamatan makanan.

Melalui pendekatan bersepadu yang merangkumi pensijilan, pemantauan, analisis makmal serta pembangunan kapasiti pengusaha, Kementerian berusaha memastikan bahawa hasil pertanian tempatan bukan sahaja memenuhi piawaian *food safety*, malah berdaya saing dalam pasaran domestik dan juga pasaran eksport.

No. Soalan: PL128

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI SALLEH BOSTAMAN BIN HAJI ZAINAL ABIDIN meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan langkah Kementerian untuk mengiktiraf dan membangunkan warisan budaya berasaskan etnik daerah supaya bukan sahaja dipelihara, tetapi berfungsi sebagai sumber peluang pekerjaan dan pendapatan kepada komuniti setempat (termasuk warga emas) dan pengurangan penghijrahan luar bandar?

JAWAPAN:

Sebagai autoriti yang bertanggungjawab dalam menjaga dan memelihara warisan serta budaya negara, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan terus komited memperkasa pembangunan warisan budaya berasaskan etnik di setiap daerah. Usaha ini bukan sahaja bertujuan memastikan warisan tersebut terus dipelihara dan diamalkan oleh generasi seterusnya, malah dapat dijadikan sebagai sumber peluang pekerjaan dan pendapatan kepada komuniti setempat, termasuk golongan warga emas. Pendekatan ini juga dilihat berpotensi menyumbang kepada pembangunan ekonomi komuniti luar bandar sekaligus membantu mengurangkan penghijrahan penduduk ke kawasan bandar.

Setakat ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan bagi menyediakan platform kepada komuniti untuk mempamerkan dan memasarkan warisan budaya mereka. Antaranya melalui penganjuran acara kebudayaan seperti Festival Kebudayaan Tujuh Puak, Perjalanan Kebudayaan, Muziumku Warisanku, Cabaran Larian Sejarah Brunei yang menampilkan kepelbagaian adat resam, seni persembahan, makanan tradisi serta kraftangan dari pelbagai daerah. Platform seperti ini memberi peluang kepada penggiat budaya dan komuniti tempatan untuk mempromosikan produk warisan kraftangan seperti tenunan, anyaman, pakaian tradisional, makanan warisan serta demonstrasi seni budaya kepada pengunjung tempatan dan pelancong.

Di samping itu, Jabatan Muzium-Muzium Brunei melalui usaha penyelidikan, pendokumentasian dan pemuliharaan warisan budaya terus diperkukuhkan secara berterusan dengan penglibatan masyarakat tempatan, khususnya pengusaha perusahaan tradisi. Hasil penyelidikan ini diterjemahkan melalui penerbitan ilmiah, pameran serta pelbagai aktiviti kolaboratif yang turut berperanan sebagai platform mempromosikan produk budaya komuniti. Dalam masa yang sama, pihak muzium

turut menggalakkan penyertaan warga emas yang mengusahakan perusahaan tradisi untuk memasarkan produk mereka di premis muzium, sekali gus membuka peluang penjanaaan pendapatan melalui jualan kepada para pengunjung.

Dalam pada itu, KKBS bersama dengan rakan strategik juga menggalakkan pembangunan produk budaya tempatan seperti kraftangan, pakaian tradisional, makanan warisan serta seni persembahan melalui program latihan kemahiran, bengkel pemindahan ilmu antara generasi serta penyertaan dalam pameran dan festival budaya. Sebagai contoh, Baju Kebaya dan tradisi Berpantun telah mendapat pengiktirafan daripada UNESCO yang menunjukkan bahawa warisan budaya di rantau ini mempunyai nilai yang tinggi di peringkat antarabangsa dan wajar terus dipelihara serta dipromosikan. Melalui pengiktirafan tersebut, kementerian boleh memperluaskan usaha promosi budaya melalui festival, pameran, program pendidikan budaya serta aktiviti pelancongan berasaskan komuniti. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengekalkan identiti budaya masyarakat, malah membuka peluang ekonomi kepada komuniti setempat serta memastikan warisan budaya terus relevan dalam pembangunan negara.

Alhamdulillah, menjelang Tahun Melawat Brunei 2027 sempena Sambutan Perayaan Jubli Intan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei, usaha-usaha ini akan terus diperkukuh sebagai peluang untuk memperluaskan penyertaan masyarakat termasuk masyarakat etnik di seluruh negara dalam mempamerkan warisan budaya mereka serta menjadikannya sebagai sumber penjanaaan pendapatan melalui pelancongan budaya, perusahaan kraftangan dan produk warisan tempatan.

No. Soalan: PL111

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan bilangan permohonan yang diterima sejak dasar *Long-Stay Initiative "Long-Term Pass (LTP)"* diperkenalkan, termasuk jumlah yang telah diluluskan dari kategori pelabur?

JAWAPAN:

Sejak dasar Pas Jangka Panjang (LTP) berkuat kuasa pada 31hb., Disember 2024, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui Urusetia Long-Term Pass telah menerima sebanyak 19 permohonan bagi kategori Pas Jangka Panjang Berniaga dan 13 permohonan bagi kategori Pas Jangka Panjang Professional, setakat 28hb., Februari 2026.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak satu (1) permohonan di bawah kategori Pas Lawatan Berniaga Jangka Panjang telah dibenarkan yang terlibat di dalam aktiviti perniagaan dan pelaburan yang menyumbang di kepada perkembangan di dalam perekonomian, pembangunan dan kemajuan Negara Brunei Darussalam. Manakala, permohonan- permohonan lain (18 permohonan) masih dalam proses penilaian dan sokongan agensi-agensi berkaitan.

Manakala bagi permohonan di bawah kategori Pas Lawatan Profesional Jangka Panjang, sebanyak satu (1) telah dibenarkan. Permohonan-permohonan lain masih dalam proses penilaian dan menunggu maklum balas serta sokongan daripada agensi-agensi teknikal yang berkaitan (*competent agencies*) berhubung keperluan kepakaran yang dipohonkan. Terdapat juga permohonan yang tidak dapat dipertimbangkan kerana profession yang dipohonkan didapati bukan dalam kategori kekurangan kepakaran di negara ini, atau pemohon tidak mengamalkan profesion tersebut secara aktif.

Bagi memperkemaskan proses penilaian, *Standard Operating Procedure (SOP)* bagi Jawatankuasa Khas Mempertimbangkan Permohonan *Long-Term Pass* telah dikemaskinikan. Melalui prosedur ini, permohonan bagi kategori pelabur akan diteliti terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing dan Industri

Hiliran serta Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi, sebelum dibawa untuk pertimbangan oleh Jawatankuasa Khas Mempertimbangkan Permohonan *Long-Term Pass*.

Sebagai makluman, jawatankuasa tersebut telah bersidang sebanyak lima (5) kali setakat 14hb., Mac 2026 bagi meneliti permohonan-permohonan yang diterima. Dari segi statistik permohonan, bagi kategori Pas Lawatan Berniaga Jangka Panjang, sebanyak 176 borang telah diedarkan, dan dari jumlah tersebut, sebanyak 19 borang permohonan dihadapkan kembali ke Urusetia LTP. Manakala bagi kategori Pas Lawatan Profesional Jangka Panjang, sebanyak 67 borang telah diambil dimana 13 borang telah dikembalikan kepada pihak Urusetia LTP.

Bagi kategori Pas Jangka Panjang Sosial (Lawatan) di bawah Kategori Kekeluargaan, sebanyak 1,372 permohonan telah dibenarkan setakat 25 Februari 2026.

No. Soalan: PL120

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah terdapat tindakan penyelarasan antara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan Kementerian Pembangunan berhubung cukai pintu kepada pemilik perumahan di bawah skim strata, khususnya bagi perumahan yang belum mendapat kebenaran strata tetapi telah dikenakan cukai pintu berasaskan kadar strata dan bukannya berdasarkan keluasan tanah?

JAWAPAN:

Diperjelaskan bahawa di bawah Bab 12, Akta Lembaga Bandaran, Penggal 57, cukai pintu dikenakan ke atas pemilik tanah, rumah dan bangunan yang terletak dalam kawasan Lembaga Bandaran.

Bagi perumahan yang berada dalam kawasan Lembaga Bandaran, penaksiran cukai pintu akan dilaksanakan dibawah Bab 12 dari Akta Lembaga Bandaran tanpa mengira sama ada perumahan itu telah diberikan hak milik strata ataupun masih dalam proses.

Di kawasan Bandaran Bandar Seri Begawan, terdapat 9 lot tanah yang mengandungi 188 unit strata dan di kawasan Bandaran Belait, terdapat 2 lot tanah yang mengandungi 92 unit strata. Sebahagian besar dari jumlah tersebut merupakan unit kediaman yang disewakan dan hanya satu unit komersial.

Kerajaan juga akan terus memastikan pentadbiran cukai tempatan dilaksanakan secara adil dan teratur, di samping mengambil kira keperluan pengurusan perkhidmatan perbandaran dan pembangunan bandar yang mampan.

No. Soalan: PL114

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah perancangan Kementerian Hal Ehwal Ugama atau Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Pertanian dan Agrimakanan untuk memperkenalkan konsep 'Satu Rumah Satu Kebun' atau 'Pertanian Murah dan Mudah' kepada golongan penerima-penerima bantuan yang *able-body*, ibu-ibu tunggal, dan asnaf?

JAWAPAN:

Untuk makluman, inisiatif yang seumpamanya pernah dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) melalui Program Mudah dan Murah, yang bertujuan memperkenalkan konsep pertanian berskala kecil dan mudah diurus kepada penerima bantuan yang berpotensi. Di bawah program tersebut, seramai 50 peserta telah dibekalkan dengan set lengkap termasuk struktur piramid tanaman, sistem hidroponik, bekas tanaman serta baja bagi membolehkan mereka memulakan aktiviti penanaman secara kecil-kecilan di kediaman masing-masing.

Pelaksanaan program ini turut mendapat sokongan teknikal daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melalui sesi taklimat, bimbingan asas penanaman serta khidmat nasihat berkaitan pengurusan tanaman. Pendekatan ini selaras dengan usaha memperluas peluang penjaan pendapatan alternatif dan meningkatkan keselamatan makanan di peringkat isi rumah.

Walau bagaimanapun, penilaian pelaksanaan mendapati tahap penglibatan berterusan dalam kalangan peserta adalah terhad. Antara cabaran yang dikenal pasti termasuk kekangan masa, komitmen keluarga dan pekerjaan lain, serta tahap kesediaan dan minat peserta yang berbeza-beza. Pengalaman ini memberikan pengajaran penting bahawa kejayaan program seumpama ini bukan hanya bergantung kepada penyediaan peralatan, tetapi memerlukan pemilihan peserta yang lebih bersasar, pemantauan berstruktur serta sokongan berterusan dari segi teknikal dan motivasi.

Sehubungan itu, Kementerian berpandangan bahawa konsep seperti 'Satu Rumah Satu Kebun' atau 'Pertanian Murah dan Mudah' masih relevan, khususnya bagi penerima bantuan yang berkeupayaan bekerja (*able-bodied*), ibu-ibu tunggal serta golongan asnaf yang mempunyai minat dan komitmen untuk meningkatkan sumber pendapatan atau mengurangkan kos sara hidup isi rumah. Namun, sekiranya dilaksanakan semula pada masa hadapan, pendekatan yang lebih berfokus dan berperingkat akan dipertimbangkan, termasuk pemilihan peserta berdasarkan penilaian kesesuaian, latihan praktikal yang lebih intensif, serta mekanisme pemantauan dan bimbingan yang lebih konsisten.

Kementerian juga akan terus meneliti potensi kerjasama strategik bersama Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan serta agensi berkaitan bagi memastikan sebarang pelaksanaan baharu mengambil kira faktor kebolehlaksanaan, impak ekonomi isi rumah dan keberlanjutan jangka panjang. Pendekatan ini penting supaya inisiatif yang diperkenalkan bukan sekadar bersifat bantuan tambahan, tetapi benar-benar menjadi platform pemerkasaan yang praktikal dan berdaya maju bagi golongan sasaran.

Dikongsikan strategi di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan bagi mengembang maju masyarakat yang juga selaras dengan strategi dalam Pelan Tindakan Pembasmian Kemiskinan, di bawah Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS). Antara inisiatif tersebut ialah penerima-penerima bantuan yang *able-bodied* dan *able-to-work* yang tinggal di bandar atau luar bandar, diberikan peningkatan keupayaan dalam bentuk latihan kemahiran dan keusahawanan di bawah Program Pengupayaan. Program ini dilaksanakan secara bersepadu dengan agensi-agensis berkepentingan yang lain, khususnya JAPEM melalui latihan kemahiran dan program-program keusahawanan penerima-penerima bantuan.

No. Soalan: PL121

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN
PENGIRAN HAJI ALIUDDIN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PENGIRAN HAJI ISA BIN PENGIRAN HAJI ALIUDDIN meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan perancangan untuk menambahbaik proses kutipan cukai tanah bagi rumah-rumah di bawah skim RPN dan STKRJ?

JAWAPAN:

Pihak Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Tanah sentiasa memastikan peserta-peserta Skim Perumahan Negara, termasuk RPN dan STKRJ, memahami dan melaksanakan tanggungjawab mereka untuk menjelaskan cukai tanah setiap tahun sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Kanun Tanah (Penggala 40). Taklimat awal mengenai tanggungjawab membayar cukai tanah, setelah hak milik berdaftar atas nama mereka, juga diberikan kepada peserta semasa proses pengundian dan penyerahan kunci rumah. Dalam pada itu Surat Pemberitahuan juga dikeluarkan untuk menjelaskan cukai tanah sebaik sahaja pendaftaran hak milik selesai, sebagai peringatan rasmi kepada peserta.

Sebagai menambah-baik proses, langkah-langkah berikut juga dilaksanakan bagi membuat kutipan cukai tanah iaitu:-

- i. Makluman dan notis peringatan melalui Media Sosial Rasmi dan Media Rasmi seperti akaun media sosial rasmi Jabatan Tanah iaitu @jabatantanah.bn dan termasuk siaran berita di Radio Televisyen Brunei, radio-radio serta akhbar-akhbar tempatan.
- ii. Kemudahan Semakan Dalam Talian – Peserta boleh menyemak jumlah tunggakan cukai tanah yang dikemaskini setiap bulan melalui laman sesawang rasmi Jabatan Tanah di www.land.gov.bn bagi memudahkan tindakan pembayaran dibuat dengan segera.
- iii. Kemudahan Akses Pembayaran Atas Talian - Pihak Jabatan Tanah juga ada menyediakan kemudahan akses pembayaran cukai tanah secara atas talian melalui aplikasi BIBD Mobile.

No. Soalan: PL144

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA KHATIB DATO SERI SETIA HAJI MD. YUSOF meminta **MENTERI PEMBANGUNAN** menyatakan berkenaan keberkesanan penguatkuasaan *Housing Development Act 2012* dalam melindungi pembeli dan pemilik tanah daripada risiko projek terbengkalai atau kualiti binaan yang rendah? Apakah tindakan bagi memastikan pemaju mematuhi tempoh yang ditetapkan bagi menjamin hak pengguna daripada sebarang kerugian?

JAWAPAN:

Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan), Penggal 259 ataupun *Housing Developers (Control and Licensing) Act, Chapter 259* adalah bertujuan untuk mengawal selia dan melesenkan pemaju-pemaju rumah sebagai langkah untuk memastikan pemaju adalah layak, bertanggungjawab, mengurus akaun projek dengan betul dan selaras dengan pematuhan arahan-arahan di bawah Akta *Housing Developers* ini.

Adalah menjadi satu kesalahan bagi sesiapa yang menjalankan kemajuan perumahan jika tidak mempunyai lesen dan mereka ini boleh didakwa dan dihukum dengan denda, penjara atau kedua-duanya sekali. Akta ini juga memperuntukkan penubuhan Lembaga Pemaju Perumahan yang dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap, Kementerian Pembangunan dan ahli-ahlinya terdiri daripada pihak Kerajaan dan sektor swasta yang berkepentingan dalam mengawal selia pemaju-pemaju rumah agar kemajuan perumahan dibina dengan baik, berkualiti dan selamat menurut terma dan syarat yang dipersetujui antara kedua belah pihak.

Dengan adanya Akta mengawal pemaju-pemaju rumah ini, ianya dapat melindungi pemilik ataupun pembeli rumah daripada pemaju yang tidak bertanggungjawab yang mengakibatkan kerugian kepada pembeli-pembeli rumah.

Perlu juga disampaikan bahawa walaupun Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Perlesenan), Penggal 259, telah diwartakan pada waktu ini, ianya belum boleh dikuatkuasakan kerana masih dalam penyediaan peraturan-peraturannya untuk mendokong pelaksanaan Akta secara komprehensif. Insha Allah apabila Akta ini dikuatkuasakan nanti, penetapan kadar yuran-yuran lesen juga perlu diteliti secara holistik selaras dengan kepentingan Akta ini.

Sementara menunggu penguatkuasaan Akta, Lembaga Pemaju Perumahan (BHD) bertindak secara administratif untuk menggalakkan mana-mana pemaju yang berkelayakan untuk berdaftar dibawah Lembaga untuk memberikan kredibiliti terhadap perniagaan pemaju tersebut agar orang ramai berkeyakinan untuk berurusan dengan mereka. Senarai pemaju-pemaju yang berdaftar (pada masa ini berjumlah 32) ada diterbitkan dalam laman web Kementerian Pembangunan dibawah tab 'Syarikat dan Profesional Berdaftar' dan 'Pemaju Perumahan'.

Setakat ini terdapat 27 aduan terhadap 12 syarikat pemaju perumahan yang tidak berdaftar yang melibatkan -

- i. Kemajuan rumah yang tidak siap menurut tempoh pembinaan dalam perjanjian;
- ii. Kualiti rumah yang tidak memuaskan; dan
- iii. Ketiadaan binaan kemudahan infrastruktur yang dijanjikan.

Dalam usaha menangani aduan-aduan seperti ini, Pihak Lembaga lazimnya akan mengadakan sesi temuduga secara berasingan bagi Pengadu dan Pemaju bagi mencari penyelesaian terhadap pertikaian yang dihadapi. Pihak Lembaga juga mengadakan konsultasi bersama pihak berkepentingan seperti *Qualified Person (QP)* dan juga pihak berkuasa bagi menangani isu-isu teknikal. Jika berpatutan, pihak Pemaju akan dinasihatkan untuk menjalankan tanggungjawab mereka menurut terma dan syarat perjanjian ataupun aduan berkenaan dipanjangkan kepada Autoriti yang berkenaan berkaitan seperti ABCi, Jabatan Tanah, DES, DWS dan DOR untuk tindakan penguatkuasaan undang-undang di bawah bidang kuasa mereka.

Lembaga Pemaju Perumahan ingin mengingatkan orang ramai bahawa kebanyakan aduan yang dilaporkan berpunca daripada ketidakpatuhan syarat-syarat Perjanjian yang sudah ditandatangani. Oleh itu, tindakan yang patut diambil oleh pihak yang tidak berpuas hati adalah untuk mendapatkan nasihat undang-undang dari peguam swasta untuk memulakan prosiding mahkamah.

Bagi mengelakkan sebarang kekeliruan dalam urusan niaga pembelian / penjualan tanah/rumah, orang ramai adalah disarankan untuk berurusan dengan Penilai Harta Tanah / Ejen Harta Tanah yang berdaftar di bawah Lembaga Penilai dan Ejen Harta Tanah (BoVEA), Kementerian Pembangunan.

No. Soalan: PL052

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan tindakan kementerian dalam memastikan tanah pertanian diperuntukkan yang dimanfaatkan secara produktif dan berterusan, termasuk mekanisme untuk menangani isu tanah yang dibiarkan dan tidak diusahakan?

JAWAPAN:

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sentiasa memastikan bahawa tanah pertanian yang diperuntukkan dimanfaatkan secara produktif dan berterusan bagi menyokong peningkatan pengeluaran tempatan serta keterjaminan makanan negara.

Sehubungan itu, Jabatan Pertanian dan Agrimakanan melaksanakan pemantauan berkala terhadap tapak-tapak pertanian yang telah diperuntukkan kepada pengusaha bagi memastikan projek yang dilaksanakan berjalan mengikut perancangan serta mencapai kemajuan yang sewajarnya mengikut KPI yang ditetapkan. Sekiranya didapati sesuatu tapak tidak diusahakan atau tidak menunjukkan kemajuan yang memuaskan, Jabatan akan mengambil beberapa langkah secara berperingkat.

Pada peringkat awal, pengusaha akan diberikan teguran dan bimbingan bagi membantu mereka meningkatkan kemajuan projek. Sekiranya keadaan masih tidak berubah, Jabatan akan mengeluarkan Surat Peringatan kepada pengusaha atau syarikat bagi mengarahkan mereka menghadapkan pelan pelaksanaan dan meningkatkan pembangunan ladang dalam tempoh yang ditetapkan. Surat peringatan ini akan dikeluarkan sehingga tiga kali sekiranya tiada kemajuan yang memuaskan. Jika selepas tempoh tersebut pengusaha masih gagal mengambil tindakan yang sewajarnya, Jabatan boleh mengambil langkah untuk menarik balik kebenaran menduduki tapak.

Langkah ini penting bagi memastikan tanah pertanian yang diperuntukkan tidak terus terbiar dan dapat ditawarkan semula kepada pengusaha lain yang berpotensi dan berkemampuan untuk mengusahakan tanah tersebut secara produktif. Pendekatan ini membolehkan Kementerian memastikan penggunaan tanah pertanian negara sentiasa dioptimumkan, di samping menggalakkan pengusaha yang benar-benar

komited dan berkeupayaan untuk menyumbang kepada peningkatan pengeluaran sektor pertanian.

No. Soalan: PL080

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH
BIN HAJI OTHMAN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG HAJI MD. SALLEH BIN HAJI OTHMAN meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan status dasar pengagihan subsidi pertanian kepada petani dan pengusaha serta penilaian keberkesanan subsidi pertanian dalam meningkatkan produktiviti, kualiti hasil dan pendapatan petani?

JAWAPAN:

Dasar pengagihan subsidi pertanian pada masa ini dilaksanakan melalui Skim Insentif Pertanian dan Agrimakanan (SIPA) yang diuruskan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan. Skim ini bertujuan menyediakan sokongan kepada pengusaha dan peladang, khususnya pada peringkat awal perusahaan, melalui bantuan input seperti baja, racun, biji benih, bahan pembungkusan serta peralatan ladang.

Jumlah perbelanjaan subsidi bagi Tahun Kewangan 2025/2026 adalah sebanyak BND\$1,115,127, yang telah disalurkan bagi menyokong kos pengeluaran seperti baja, racun dan biji benih. Pada 2025, hasil daripada sokongan tersebut, jumlah pengeluaran tanaman telah mencapai nilai sebanyak BND\$63.51 juta, menunjukkan bahawa usaha seperti ini telah memainkan peranan penting dalam merangsang peningkatan produktiviti serta memastikan kelangsungan pengeluaran sektor tanaman.

Matlamat utama skim ini adalah untuk membantu meningkatkan pengeluaran pertanian dan agrimakanan, memperkukuh daya saing pengusaha tempatan serta menggalakkan penyertaan lebih ramai pengusaha dalam sektor ini, khususnya petani kecil dan golongan belia.

Dari segi status dasar semasa, bantuan SIPA diberikan bagi tempoh lima tahun pertama sebagai pemangkin untuk mengurangkan kos permulaan perusahaan. Pendekatan ini bertujuan membantu pengusaha membina kapasiti teknikal dan kewangan sehingga mampu berdikari tanpa bergantung kepada bantuan Kerajaan dalam jangka panjang.

Berhubung dengan penilaian keberkesanan skim ini, Kementerian sentiasa menjalankan pemantauan dan penelitian bagi memastikan subsidi yang diberikan memberikan impak yang sewajarnya kepada pembangunan sektor pertanian.

Dari segi produktiviti pengeluaran, subsidi input seperti baja, racun dan biji benih membantu mengurangkan kos pengeluaran serta memudahkan pengusaha meningkatkan keluasan dan intensiti pengeluaran.

Dari segi kualiti hasil, Kementerian menekankan bahawa subsidi input perlu disertai dengan pematuhan kepada Amalan Pertanian Baik (*Good Agricultural Practices – GAP*), penggunaan input yang sesuai serta penerapan teknologi moden bagi memastikan hasil yang lebih berkualiti dan selamat.

Dari segi pendapatan pengusaha, subsidi membantu mengurangkan kos operasi dan seterusnya meningkatkan margin keuntungan, khususnya bagi peladang kecil. Namun demikian, Kementerian turut mengambil pendekatan berterusan untuk memastikan subsidi disasarkan secara lebih berkesan serta mengelakkan ketirisan dalam pelaksanaannya.

Secara keseluruhannya, subsidi pertanian ini dilihat bukan sebagai mekanisme sokongan yang bersifat kekal, ianya bertujuan untuk membantu syarikat dan juga para pengusaha memperkukuhkan daya tahan (*resilience*) perusahaan mereka, sekali gus membolehkan mereka menjadi lebih berdikari dan tidak bergantung secara berterusan kepada skim bantuan Kerajaan. Skim ini juga dijangka dapat membantu syarikat mencapai tahap kemampanan operasi serta bergerak secara mandiri dalam jangka masa panjang

No. Soalan: PL008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan inisiatif bagi membantu pengusaha tempatan yang berpotensi mampu mengembangluaskan hasil perusahaan secara berskala besar, khususnya untuk menembusi pasaran serantau dan menyumbang kepada ekonomi secara berterusan.

JAWAPAN:

Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan sememangnya memberi perhatian khusus kepada pembangunan pengusaha tempatan yang berpotensi untuk berkembang secara berskala besar, bukan sahaja bagi memenuhi keperluan pasaran dalam negeri, bahkan untuk menembusi pasaran serantau dan seterusnya menyumbang secara berterusan kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Dalam hubungan ini, pendekatan Kementerian adalah berasaskan kepada tiga teras utama, iaitu:

1. Memperkukuh kapasiti pengeluaran dan skala operasi pengusaha

Bagi sektor pertanian, agrimakanan dan perikanan, Kementerian memberi tumpuan kepada pembukaan dan pengoptimuman penggunaan tapak, penerapan teknologi moden dan teknologi tinggi, peningkatan biosekuriti, pemudahcaraan akses kewangan, latihan teknikal, penyediaan infrastruktur asas serta kemudahan makmal dan R&D. Kementerian juga mengukuhkan kapasiti *competent authorities* bagi membantu pengusaha memenuhi piawaian dan amalan antarabangsa.

Kementerian juga telah melaksanakan Program *Product Enhancement*, Program Penambahbaikan Bahan Input, Program Sistem Penyimpanan, Program Pensijilan serta Program Pemudahcara Pasaran tempatan dan eksport sebagai usaha dalam meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran dan skala operasi pengusaha. Ini termasuk memperkukuh rangkaian sejuk (*cold chain*) dan proses logistik untuk tujuan eksport.

Program-program ini digunakan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti-aktiviti memudahcara bagi 3 jenis kategori syarikat yang difokuskan di bawah industri agrimakanan iaitu:

- Tier 1: Syarikat Besar / Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) yang telah berjaya menembusi pasaran eksport dan sedang memperluaskan perniagaan mereka ke pasaran antarabangsa;
- Tier 2: Syarikat/Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) merangkumi syarikat yang mempunyai potensi untuk berkembang maju dan seterusnya mengembangluaskan pasaran produk mereka bukan saja untuk pasaran domestik malahan pasaran eksport dalam masa terdekat; dan
- Tier 3: Perusahaan Mikro/*Home-based/Start-up* melibatkan pengusaha berskala kecil atau home-based yang mempunyai potensi untuk berkembang kepada perusahaan yang bertapak di kawasan yang lebih sesuai yang membolehkan pengeluaran yang lebih tersusun dan mematuhi piawaian industri makanan.

Semua ini penting supaya pengusaha yang berpotensi dapat beralih daripada operasi kecil kepada perusahaan yang lebih produktif, lebih konsisten dan lebih bersedia untuk berkembang bukan saja di pasaran domestik malah pasaran antarabangsa.

2. Meningkatkan nilai tambah dan kesiapsiagaan eksport

Fokus Kementerian bukan hanya kepada peningkatan keluaran primer, tetapi juga kepada pemprosesan, penjenamaan, pembungkusan, pensijilan dan pematuhan standard. Ini kerana untuk menembusi pasaran serantau, produk tempatan perlu bukan sahaja berkualiti, tetapi juga mempunyai keupayaan untuk memenuhi keperluan pasaran, logistik dan keyakinan pengguna antarabangsa.

Selain itu, Kementerian juga telah melaksanakan pengukuhan biosekuriti di ladang atau kolam ternakan di samping pemantauan kualiti dan keselamatan makanan melalui pensijilan seperti *Brunei Good Agricultural Practices (BGAP)*, *Brunei Good Aquaculture Practices (BGAqP)*, *Good Manufacturing Practices* dan HACCP bagi memastikan produk memenuhi piawaian keselamatan makanan domestik dan antarabangsa.

Dari sudut hasil dan contoh yang lebih nyata, Kementerian juga telah melihat beberapa pencapaian yang menunjukkan pengusaha tempatan mempunyai keupayaan untuk berkembang ke pasaran serantau apabila dibimbing secara berfokus. Antaranya, dalam tahun 2025, jumlah nilai eksport sektor makanan telah mencatat sekitar \$13 juta. Bagi sektor pertanian dan agrimakanan, nilai eksport mencatatkan sekitar \$7.68 juta dan telah berjaya menembusi pasaran ke Singapura, Sabah dan Sarawak, Malaysia seperti komoditi Makanan ternakan, Telur ayam dan lain-lain produk yang berasaskan pertanian.

Manakala bagi sektor perikanan pula, nilai eksport mencatat sekitar \$5.68 juta dan telah berjaya menembusi pasaran Jepun, Republik Rakyat China, Chinese Taipei dan Amerika Syarikat. Produk-produk yang dieksport adalah seperti Tuna, Udang, Tilapia Marine dan sebagainya.

3. Memperluas akses pasaran serantau melalui jaringan perniagaan dan pemudahcara pasaran

Kementerian juga telah mengadakan bengkel persediaan eksport komoditi tanaman ke Singapura pada 30 Disember 2025, diikuti *engagement* dengan pengedar di Singapura pada 5 hingga 7 Januari 2026, sebagai langkah susulan yang lebih tertumpu kepada pembukaan akses pasaran serantau.

Bagi sektor perhutanan pula, pendekatan yang diambil adalah dengan menumpukan kepada pembangunan industri hiliran dan nilai tambah berasaskan kayu, termasuk mempelbagaikan produk, memperluaskan penggunaan *Logo Brunei Wood Product*, serta memperkukuh pensijilan hutan supaya produk perkayuan tempatan dapat memenuhi keperluan piawaian dan seterusnya menembusi pasaran serantau dan antarabangsa. Produk-produk berasaskan perkayuan telah berjaya dieksport ke Malaysia, Amerika Syarikat dan Republik Korea.

Kesimpulannya, pendekatan Kementerian bukan sekadar membantu pengusaha untuk bertahan, tetapi untuk naik ke tahap seterusnya sebagai perusahaan yang berdaya tahan, berdaya saing dan bersedia untuk eksport. Fokus utama Kementerian ialah membangunkan lebih ramai pengusaha tempatan yang mampu beralih daripada perusahaan kecil kepada perusahaan berskala lebih besar, menembusi pasaran serantau secara mampan, dan seterusnya menyumbang kepada kepelbagaian ekonomi dan pertumbuhan KDNK negara secara berterusan.

No. Soalan: PL070

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN** menyatakan perancangan bagi melibatkan lebih ramai pengusaha untuk menceburi pengeluaran makanan tempatan seperti petani kecil, belia dan usahawan tempatan dalam rantaian nilai pertanian.

JAWAPAN:

Bagi melibatkan lebih ramai pengusaha termasuk petani kecil, belia dan usahawan tempatan dalam pengeluaran makanan tempatan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melaksanakan pendekatan yang menyeluruh merangkumi keseluruhan rantaian nilai industri pertanian dan agrimakanan, iaitu daripada peringkat pra-pengeluaran, pengeluaran sehingga kepada pemprosesan dan pemasaran.

1. Memudah cara kemasukan pengusaha baharu ke dalam sektor pertanian

Kementerian menyediakan peluang kepada petani kecil, belia dan usahawan tempatan melalui penawaran tapak pertanian serta bimbingan teknikal bagi memulakan perusahaan. Dalam masa yang sama, kerjasama dengan institusi kewangan turut dilaksanakan bagi memudahkan cara akses kepada pembiayaan, manakala program latihan dan pembangunan kapasiti dijalankan untuk meningkatkan kemahiran pengurusan ladang dan perniagaan.

Kementerian menyediakan peluang kepada pengusaha baru yang berminat melalui penawaran tapak pertanian di bawah inisiatif projek rintis serta program pembesaran tapak. Di samping itu, kementerian turut bekerjasama dengan institusi kewangan bagi menyediakan kemudahan pembiayaan yang lebih mesra kepada pengusaha belia. Dengan adanya penawaran projek rintis ini, proses untuk mendapatkan tapak pertanian bagi pengusaha baru adalah cepat dan mudah. Lazimnya, keluasan tapak yang ditawarkan adalah sekurang-kurangnya 2 hektar, tertakluk kepada jenis komoditi yang akan diusahakan.

2. Memperkukuh kapasiti pengeluaran dan produktiviti ladang

Kementerian terus melaksanakan pembukaan tapak-tapak baharu serta mengoptimalkan penggunaan tapak sedia ada bagi meningkatkan keluaran makanan tempatan. Langkah-langkah seperti pengukuhan biosekuriti di ladang dan kolam ternakan, pemudahcaraan akses kepada input pertanian serta penggalakan penggunaan teknologi moden turut dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan operasi pengusaha.

3. Membangunkan ekosistem sokongan dalam rantai nilai agrimakanan

Kementerian menggalakkan penglibatan pelaburan asing langsung (FDI) serta syarikat berkaitan kerajaan (GLC) bagi memperkukuh pembangunan sektor agrimakanan negara, khususnya dalam penyediaan bahan input, teknologi, infrastruktur, dan juga akses ke pasaran eksport melalui rangkaian pasaran yang sedia ada dari syarikat FDI serta syarikat GLC.

Penyertaan pelabur berskala besar ini akan meningkatkan kapasiti industri serta mengukuhkan ekosistem rantai nilai pertanian Negara. Pada masa yang sama, ianya akan membuka lebih banyak peluang kepada pengusaha tempatan dan perusahaan kecil untuk meningkatkan hasil keluaran ladang sebagai bekalan bahan input kepada syarikat FDI serta syarikat GLC terutama bagi pasaran eksport, dimana Syarikat FDI dan GLC berkenaan dapat memasarkan lebihan bekalan yang tidak dapat diserap oleh permintaan pasaran tempatan, contohnya melalui skim perladangan berkontrak atau skim pembelian balik (*buy-back*) hasil ladang. Di sektor perikanan, Syarikat FDI Barramundi Group (B) Sdn Bhd mendapatkan bekalan benih ikan selongsong dari perusahaan penetasan ikan tempatan untuk operasi ternakan ikan, dan Syarikat FDI Lianfeng Investment Sdn Bhd mendapatkan bekalan bahan mentah dari industri penangkapan ikan untuk kilang pemprosesan melalui syarikat penangkapan ikan tempatan.

4. Meningkatkan nilai tambah dan akses pasaran

Bagi meningkatkan daya saing produk tempatan, pelbagai program telah dilaksanakan termasuk Program *Product Enhancement* yang memberi tumpuan kepada peningkatan kualiti pembungkusan, pelabelan, kajian jangka hayat produk serta pembezaan produk. Selain itu, padanan perniagaan antara pembekal dan pengusaha makanan serta kerjasama dengan agensi berkepentingan seperti BEDB dalam menganjurkan latihan teknikal dan menyediakan sokongan kewangan bagi mendapatkan pensijilan berkaitan turut dilaksanakan bagi memperluaskan peluang pasaran.

Di samping itu, kemudahan sokongan seperti makmal kajian dan infrastruktur teknikal turut disediakan bagi membantu pengusaha menangani cabaran dalam pengeluaran, pemprosesan dan pengedaran produk agrimakanan. Pihak Kementerian juga bekerjasama dengan pihak BDFA dalam memudahcara akses pasaran bagi produk

agrimakanan melalui memastikan pematuhan terhadap keperluan keselamatan makanan dan piawaian yang ditetapkan oleh negara pengimport, termasuk pengeluaran sijil kesihatan bagi tujuan eksport.

Melalui pendekatan bersepadu ini, Kementerian berusaha untuk bukan sahaja meningkatkan pengeluaran makanan tempatan, tetapi juga membangunkan ekosistem rantaian nilai agrimakanan yang lebih inklusif dan berdaya tahan. Dengan sokongan infrastruktur, pembiayaan dan pembangunan kapasiti yang berterusan, Kementerian yakin lebih ramai petani kecil, belia dan usahawan tempatan dapat mengambil bahagian secara aktif dalam sektor ini, seterusnya menyumbang kepada sekuriti makanan negara serta kepelbagaian ekonomi.

No. Soalan: PL101

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG MOHAMMAD BIN ABDULLAH @ LIM SWEE ANN meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan apakah pelan pembangunan kapasiti dan kompetensi imam, bilal dan pegawai masjid?

JAWAPAN:

Kaola hargakan soalan Yang Berhormat Awang Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann mengenai pembangunan kapasiti dan kompetensi imam, bilal dan pegawai masjid kerana mereka itu dilantik ke jawatan imam, bilal atau pegawai masjid setentunya sudah memenuhi syarat kelayakan dan kebolehan iaitu kapasiti dan seterusnya mempunyai kecekapan bagi melaksanakan tugas dan tanggungjawab jawatan masing-masing. Tinggal lagi setelah masing-masing menjawat dan bertugas tentu sahaja mereka perlu mengembang-luaskan kapasiti dan kopetensi mereka. Maka dalam keadaan sedemikian Yang Berhormat Awang Haji Mohammad bin Abdullah @ Lim Swee Ann ingin tahu atau menyarankan supaya pelan pembangunan kapasiti dan kompetensi imam, bilal dan pegawai masjid.

Maka kaola sukacita menyatakan bahawa Kementerian memang memberi perhatian kepada perkara itu. Jabatan Hal Ehwal Masjid sedia dengan latihan-latihan secara dalaman yang berterusan dan seterusnya membuat penilaian ke atas mutu bacaan mereka itu.

Seterusnya Jabatan Hal Ehwal Masjid dengan kerjasama KUPU SB telah merangka Pelan Jangka Lima Tahun Profesionalisma Pegawai Masjid, 2025-2029, iaitu Kursus Profesionalisma Pegawai Masjid yang memfokus kepada modul berikut:

1. Jati diri dan etika professional pegawai masjid.
2. Pengurusan Ibadah.
3. Pengurusan Masjid Berkesan.
4. Kemahiran komunikasi.
5. Teknologi dan pendigitilan masjid.
6. Kepimpinan dan kerja berpasukan.
7. Pengurusan program dan takmir masjid.

Sasaran pada tahun 2029, 100% keseluruhan Pegawai Masjid akan mengikuti kursus profesionalisma ini.

Dan berdasarkan Rancangan Strategik, kompetensi yang sangat diutamakan bagi imam ialah pengukuhan ilmu pengetahuan agama iaitu akidah, fiqah, tafsir dan hadits dan juga kemahiran berdakwah dan juga kemahiran berdakwah yang meliputi cara berkesan penyampaian ceramah dan khutbah. Berkaitan perkara ini, Kementerian melalui Bahagian Perancangan Dan Pembangunan Sumber Manusia (BPPSM) juga menganjurkan:

1. Bengkel-bengkel meningkatkan kompetensi Imam dan Da'ie yang dilaksanakan pada bulan Mei sehingga Julai 2025 yang mana akan diteruskan pada tahun 2026 ini. Bengkel ini bertujuan meningkatkan kemahiran, pengetahuan, keupayaan imam masjid dan pendakwah.
2. Kursus bahasa isyarat yang dilaksanakan pada bulan September 2025 dan akan diteruskan.

No. Soalan: PL041

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan jika aset wakaf dan baitulmal dapat dimanfaatkan dalam pembangunan jangka panjang dengan produktif bagi menjana pulangan mampan serta mempermudah daya ekonomi komuniti secara berterusan?

JAWAPAN:

Sukacita menjelaskan tentang maksud aset dalam kontek wakaf iaitu seperti juga aset dalam kontek zakat. Kedua-dunya itu memang bermaksud dan merupakan aset yang dalam hubungannya dengan zakat ia dikutip, dikumpul dan diagihkan kepada asnafnya; dan dalam kontek wakaf ia adalah aset yang diterima dan dikumpul untuk seterusnya dilaksanakan atau dikembangkan sesuai dengan jenisnya iaitu menurut niat atau tujuan pewakafnya sama ada wakaf am' atau wakaf khas.

Sementara Baitulmal - makna asalnya dan fungsinya dalam sistem pemerintahan dan kerajaan Islam sejak zaman Rasulullah Shallahu 'alaihi wassalam adalah suatu lembaga atau boleh dinamakan juga sebagai sebuah jabatan yang 10 menyelenggarakan urusan kewangan dan harta atau aset yang bersumber daripada apa yang disebut pada masa lalu itu sebagai kharaj, jizyah, zakat, al-fai'u, ghanimah, 'usyur dan termasuk juga aset-aset wakaf.

Baitul-mal itu dengan fungsinya pada zaman dahulu boleh dikatakan sama dengan Jabatan Perbendaharan (*Treasury Department*) yang ada sebelum adanya Kementerian Kewangan yang sekarang dengan nama barunya sesuai tambahan fungsi dan autoritinya menjadi Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Itulah makna asal sebenar Baitulmal. Sekarang sudah lain setelah ia menjadi sebahagian dari Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal.

Sekarang kaola menjawab soalan: (Adakah) jika aset wakaf dan baitulmal dapat dimanfaatkan dalam pembangunan jangka panjang dengan produktif bagi menjana pulangan mampan serta mempermudah daya ekonomi komumniti secara berterusan.

Dengan tegas, kaola menyatakan: Ya! Aset wakaf adalah dapat atau boleh dimanfaatkan untuk tujuan sedemikian bahkan memang kerana itulah aset wakaf boleh untuk dikembang majukan sesuai dengan niat pewakaf apakah ia wakaf 'am atau wakaf khas.

Dalam era awal Majlis Ugama Islam (tahun-tahun '50an) yang antara fungsinya ialah menjadi pemegang harta wakaf. Maka pada era-era '50an itu orang berwakaf tanah untuk tapak membangun masjid atau laluan jalan di tengah perkampungan. Dengan itu aset wakaf sedemikian tidaklah berpotensi untuk dikembang majukan yang boleh mendatangkan pulangan dan seterusnya dengan pulangan yang dijangkakan itu akan menjadi pendapatan yang mampan bagi komuniti bahkan bagi umat Islam.

Pada masa sekarang kita biasa mendengar, sebagai misal, ada orang mewakafkan sejumlah wang kepada masjid untuk digunakan bagi menyediakan bilik jenazah di masjid atau kereta jenazah atau kedua-duanya sekali untuk kegunaan masjid yang sekarang sudah lazim menjadi tempat pengurusan jenazah.

Maka aset wakaf yang dapat dikembangkan ialah seperti tanah sebagaimana halnya semenjak tahun 1994 apabila Badan Tanmiah ditubuhkan untuk mengembang majukan beberapa aset atau harta wakaf yang dalam kelolaan MUIB.

Pada era tahun '90-an itu usaha yang mudah mendatangkan pulangan pendapatan ialah dengan membinan bangunan-bangunan untuk disewakan di atas tanah wakaf. Dengan sebab itulah makanya Badan Tanmiah telah mempunyai beberapa bangunan di beberapa kawasan di negara ini termasuk memilik dan mengurus sebuah *station* minyak di kawasan Kg. Limau Manis persimpangan jalan ke Kuala Lurah.

Badan Tanmiah Harta Majlis Ugama Islam - seperti sedemikian itu entiti dan identitinya iaitu sebuah badan yang ditubuhkan untuk mengembangkan harta atau aset yang dalam bidang kuasa pengendalian Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) khasnya aset berupa wakaf.

Selain menjana pulangan pendapatan Badan Tanmiah juga memberikan pekerjaan kepada anak-anak tempatan. Pada masa ini Badan Tanmiah sedang berusaha untuk menyertai usaha niaga di bidang-bidang lain seperti bidang yang selaras dengan dasar Kerajaan untuk meningkatkan penghasilan yang menjamin *food security* misalnya.

Demikian pula JUZWAB. Selain bekerjasama dan menyokong inisiaif-inisiatif baharu Badan Tanmiah dalam mengembangkan harta wakaf, JUZWAB berusaha bersama Jabatan Perundangan Syar'iah, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan dengan Majlis Ugama Islam Brunei sedang giat memuktamadkan rang Akta Wakaf yang dalam peringkat akhir penggubalannya untuk lebih komprehensif dan memperkasa tadbir

urus yang profesional, khasnya dengan melihat kepada beberapa modeliti pengembangan harta wakaf yang maju di luar negara, yang terbukti telah memberi manfaat yang berimpak positif dalam menyumbang kepada pembangunan jangka panjang dengan produktif bagi menjana pulangan mampan.

Pengembangan seterusnya harta wakaf di bawah Akta Wakaf itu setentunya akan juga dapat menyumbang atau menampung dalam pembangunan infrastruktur sosio-relegi yang dilaksanakan oleh Kerajaan dan menampung juga ke arah jaminan kebajikan dan kesejahteraan rakyat khasnya dalam menyantuni ehwal komuniti bahkan umat Islam di negara kita.

Maka setentunya dengan perkembangan sedemikian pengembangan harta atau aset wakaf di masa yang akan datang akan juga mendatangkan impak positif melegakan fiskal Kerajaan bagi sebahagian perkhidmatan *sosio-relegi* itu. Semoga Allah Subhanahu wa Ta'ala memudahkan urusan dengan lancar dan seterusnya mentaufeqkan inisiatif - inisiatif baharu dalam mengurus aset-aset wakaf ke arah yang diredhai Nya. Amin.

No. Soalan: PL160

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG LAWI BIN HAJI LAMAT meminta **MENTERI HAL EHWAL UGAMA** menyatakan langkah penguatkuasaan, mekanisme pemantauan dan kerangka perundangan yang dilaksanakan atau dirancang oleh Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal (JUZWAB) bagi meningkatkan tahap pematuhan umat islam dalam menunaikan zakat harta?

JAWAPAN:

Perkara zakat harta, dari segi kerangka perundangannya sudah pun tersedia sekian lama sebagaimana yang termaktub dalam Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi, Penggal 77 Bab 115, dan menurut Bab 236 (1) Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah, Penggal 275, adalah menjadi kesalahan bagi orang-orang yang telah ditaksirkan dengan sah sebagai wajib membayar zakat tersebut jika mereka senghaja gagal membayar zakat.

Mengikut kerangka perundangannya memang sudah ada prosedur untuk menyenaraikan orang-orang yang wajib membayar zakat fitrah dan zakat harta dalam setiap mukim. Bab 115 akta yang sama memperuntukkan tanggungjawab Majlis Ugama Islam untuk menyediakan senarai taksiran tahunan bagi setiap mukim masjid di negara ini yang menyenaraikan nama individu yang wajib membayar zakat dan fitrah beserta jumlah yang wajib dibayar.

Peruntukan Bab yang sama juga membolehkan Majlis Ugama Islam untuk melantik imam sebagai wakilnya menyediakan senarai tersebut untuk setiap mukim masjid. Dan adalah menjadi kesalahan jika individu yang telah tersenarai itu enggan membayar zakat dan fitrah. Sedemikian itu menurut kerangka perundangan lama di bawah Akta Majlis Ugama Islam dan Mahkamah-Mahkamah Kadhi, Penggal 77 (Akta Majlis).

Seterusnya di bawah Kanun Hukuman Jenayah Syari'ah (KHJS) iaitu undang-undang yang diperkenal dan dikuatkuasakan sejak lebih sepuluh tahun yang lalu dalam Bab 236 mengenai adalah menjadi kesalahan kepada manamana orang Islam yang setelah ditaksirkan dengan sah sebagai wajib untuk membayar zakat atau fitrah. Jika sabit kesalahan dikenakan:

- i. suatu denda tidak melebihi \$8,000/-;

-
- ii. dihukum penjara tidak melebihi 2 tahun; atau
 - iii. kedua-duanya sekali.

Sedemikian itulah peruntukan undang-undang zakat harta dan zakat fitrah dalam kerangka perundangan yang mewajibkannya dikutip. Tetapi menurut maklumat dari Bahagian Penguatkuasaan Ugama (BPU), KHEU setakat tahun 2020, tiada aduan pernah diterima dan tiada siasatan pernah dijalankan mengenai kegagalan membayar zakat fitrah atau zakat harta di bawah Bab 194 Akta Majlis (yang telah dimansuhkan) atau Bab 236 KHJS atau kesalahankesalahan lain berkaitan zakat di bawah KHJS itu.

Kesimpulannya ialah kita ada sedia mempunyai kerangka perundangannya. Tinggal lagi bagaimana penguatkuasaannya dan perancangan ke hadapan untuk menjamin pematuhan orang Islam membayar zakat harta, maka perkara itu setakat ini kita berpada-pada dengan usaha yang dilaksanakan. Ini tidak bermakna kita mengabaikan keperluan untuk zakat baik zakat fitrah mahu pun zakat harta dikutip dan dikumpul lalu diagihkan. Setakat praktis pada masa ini begitulah sambil terus memikirkan cara-cara berstruktur yang lebih sistematik. Kaola yakin Majlis Ugama Islam sedia bergerak ke arah itu, in syaa Allah.

No. Soalan: PL108

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perkembangan terbaru dalam kemasukan FDI hasil aktiviti promosi pelaburan ke negara-negara luar dari segi bidang, nilai pelaburannya dan bilangan peluang pekerjaan yang akan diwujudkan?

JAWAPAN:

Dikongsikan perkembangan terkini berkaitan kemasukan FDI ke Negara Brunei Darussalam, hasil daripada aktiviti promosi pelaburan yang telah dilaksanakan ke beberapa negara luar.

Setakat bulan Januari 2026, sebanyak 25 syarikat FDI telah beroperasi di Negara Brunei Darussalam yang mana telah menjana lebih kurang 4 ribu peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan. Manakala, 18 projek pelaburan pula sedang di dalam fasa pelaksanaan, yang mana diunjurkan akan mampu menjana lebih kurang 3 ribu peluang pekerjaan tambahan apabila kesemua 18 projek pelaburan tersebut beroperasi sepenuhnya.

Pelaburan ini merangkumi sektor hiliran minyak dan gas, permakanan, perkhidmatan perniagaan, ICT dan pelancongan, yang mana sejajar dengan sektor-sektor keutamaan negara.

Bagi tempoh bulan April 2025 hingga Mac 2026, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) juga telah menghubungi sebanyak 126 syarikat bagi membincangkan peluang pelaburan di Negara Brunei Darussalam dan dalam tempoh tersebut, sebanyak 42 projek telahpun diberigakan kepada agensi-agensi Kerajaan yang berkepentingan dan berkaitan. Daripada jumlah ini, sebanyak 7 projek telah berjaya disokong dan diluluskan oleh Jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran (Jawatankuasa Pandu FDIDI).

Seterusnya, izinkan juga kaola untuk mengongsikan mengenai dengan salah satu contoh projek FDI baharu, iaitu cadangan Penubuhan Loji Pengeluaran *Isopropyl Alcohol* (IPA) di Pulau Muara Besar (PMB) oleh Syarikat Clear Chemicals (B) Sdn Bhd (yang sebelumnya dikenali sebagai Syarikat KKM Chemicals) dari Republik India dengan nilai pelaburan sebanyak USD5.8 juta.

Produk *Isopropyl Alcohol* ini merupakan bahan asas penting dalam industri farmaseutikal, kimia dan elektronik. Projek ini diharap akan dapat meningkatkan jaminan bekalan domestik dan mewujudkan rantaian nilai hiliran yang bersepadu dengan operasi Syarikat Hengyi Industries Sdn Bhd, di Pulau Muara Besar, memandangkan pengeluarannya memerlukan *propylene* yang dihasilkan oleh syarikat tersebut. Pembinaan projek ini disasarkan untuk bermula pada suku ketiga tahun 2026, manakala operasi komersial bagi Fasa 1 dijangka bermula menjelang penghujung tahun 2027.

Projek ini juga berpotensi mewujudkan sekitar 250 peluang pekerjaan bagi kedua-dua fasa, dengan sekurang-kurangnya 70 peratus daripadanya disasarkan untuk diisi oleh tenaga kerja tempatan, termasuk jawatan teknikal bernilai tinggi yang menyokong pembangunan tenaga kerja mahir negara.

Selain itu, di bawah inisiatif pelaburan melalui Dana Modal Pembangunan Strategik (SDC), projek-projek besar seperti Fasa 2 Hengyi Industries di Pulau Muara Besar, dan projek *Acetic Acid & Aniline* (AAA) melalui Polygel Intermediates Sdn Bhd di Sungai Liang Industrial Park (SPARK) yang dijangka beroperasi menjelang 2028, akan dapat menambah nilai bahan mentah tempatan dan memperluaskan rantaian nilai industri.

InsyAllah, dengan ada projek-projek baru ini, ianya bukan sahaja akan meningkatkan dan boleh menarik pelaburan langsung asing yang lain, malah dijangka akan dapat mewujudkan peluang pekerjaan yang berkualiti secara berperingkat, terutama jua dalam bidang kejuruteraan, operasi kilang, logistik dan sektor perkhidmatan teknikal serta membawa pemindahan teknologi kepada tenaga kerja tempatan selaras dengan Wawasan Brunei 2035.

No. Soalan: PL065

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA INDERA PAHLAWAN DATO SERI SETIA AWANG HAJI SUYOI BIN HAJI OSMAN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan kejayaan Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei dalam menarik pelabur asing baru ke negara ini di bawah inisiatif *Public-Private Partnership* (PPP)?

JAWAPAN:

Dikongsikan satu contoh kejayaan pelaburan langsung asing (FDI) melalui pendekatan PPP, iaitu penubuhan Syarikat Anson International Sdn Bhd (AISB), sebuah syarikat usaha sama di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, melalui *Strategic Development Capital Fund* dengan syarikat rakan kongsi tempatan iaitu Syarikat Qaswa Holdings Sdn Bhd dan Syarikat Pelabur Asing Dongil Shipyard Co. Ltd. dari Republik Korea.

Melalui struktur PPP ini, Syarikat tersebut dibangunkan sebagai sebuah projek industri strategik yang memberi tumpuan kepada:

- Penyelenggaraan kapal marin ataupun *Marine Maintenance, Repair and Overhaul*; serta
- Aktiviti *Decommissioning and Restoration*.

Untuk makluman, Fasa pertama projek akan memberikan fokus kepada penyelenggaraan kapal di dalam kawasan *integrated yard*. Manakala, Fasa kedua pula akan merangkumi peluasan aktiviti termasuk penukaran kapal, *well subsurface intervention*, pembinaan modul dan marin, serta inisiatif *waste-to-energy conversion*.

Dari segi impak ekonomi, projek ini dijangka menjana hasil tahunan antara BND10 juta hingga BND25 juta, serta mewujudkan peluang pekerjaan tempatan.

Pelaksanaan projek di Tapak Perindustrian Pulau Muara Besar ini turut memperkukuh kedudukan Negara sebagai hab perkhidmatan marin serantau, seterusnya menyokong agenda mempelbagaian ekonomi negara.

Dikongsikan satu lagi contoh kejayaan di bawah inisiatif PPP iaitu penubuhan Syarikat Muara Port Company Sdn Bhd ("MPC"), sebuah syarikat usaha sama di antara Kerajaan melalui Syarikat Darussalam Assets dan Guangxi Beibu Gulf International Port Group., Ltd ("Syarikat Beibu") melalui Beibu Gulf Holding (Hong Kong) Co., Ltd, pada 21hb Februari 2017 untuk mengambil alih pengendalian aset operasi dan pengurusan Terminal Kontena Muara ("MCT") dan Terminal Konvensional Muara ("MCVT") serta aset-aset pelabuhan yang lain secara sepenuhnya.

Kerjasama tersebut telah menyumbang kepada:

- Peningkatan *maritime connectivity* negara dengan pengenalan *shipping lines* baru dan peningkatan bilangan destinasi (dari 8 ke 12) serta meningkatkan penggunaan pelabuhan Muara dan mendokong pertumbuhan industri logistik tempatan.
- Selain itu, inisiatif PPP ini telah menambahbaikkan Pelabuhan Muara secara menyeluruh (termasuk Kompleks Pendaratan Ikan Muara melalui anak syarikat MPC, Muara International Fish Landing Sdn Bhd) untuk meningkatkan kecekapan operasi dan meningkatkan kadar *throughput* melalui Pelabuhan Muara dari purata 643 ribu tonnes pada tahun 2016 ke purata 1.2 juta tonnes pada tahun 2025.
- Dalam pada itu juga, usaha PPP ini adalah selaras dengan "Pelan Induk Pelabuhan Muara" (*Muara Port Masterplan*) yang telah dilancarkan pada Ogos 2024 sebagai garispandu syarikat MPC untuk merealisasikan objektif-objektif strategik seperti mengurangkan kos logistik, menyediakan lebih banyak perkhidmatan tambah nilai (*value-added services*), mendokong pembangunan keupayaan tenaga manusia serta menciptakan kelanjutan perniagaan. Manfaat utama projek tersebut termasuk peningkatan kapasiti Terminal Kontena daripada 220,000 *Twenty-foot Equivalent Units* (TEUs) kepada 500,000 *Twenty-foot Equivalent Units* (TEUs) dan pembinaan sebuah *Port Trade Zone* seluas 3.62 hektar di dalam terminal kontena.
- Selain itu, Alhamdulillah, inisiatif PPP ini juga menyumbang kepada peningkatan peluang pekerja sejak tarikh penubuhan MPC dari 88 orang pekerja kepada 285 orang pekerja (setakat bulan Januari 2026), yang mana 96% warga syarikat tersebut adalah merupakan warga tempatan.

Secara keseluruhannya, projek PPP ini telah membuktikan kejayaan dalam menarik pelabur asing strategik, memindahkan kepakaran teknikal, serta membangunkan kapasiti industri tempatan melalui kerjasama antara kerajaan, sektor swasta dan pelabur antarabangsa, dan terutamanya mengwujudkan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan tempatan.

No. Soalan: PL002

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG HAJAH SAFIAH BINTI SHEIKH HAJI ABD. SALAM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan keberkesanan reformasi pendaftaran syarikat melalui ROCBN termasuk pencapaian, cabaran serta penambahbaikan yang diperlukan serta kesan yang tidak dijangka (*unintended consequences*) jika ada?

JAWAPAN:

ROCBN di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi komited untuk mempertingkatkan kecekapan, ketelusan dan ketepatan proses pendaftaran syarikat melalui pendigitalan sepenuhnya menerusi platform *One Common Portal* (OCP).

Dengan pelaksanaan OCP, proses pendaftaran kini dikendalikan sepenuhnya secara dalam talian dan tempoh pemprosesan telah dipendekkan kepada satu hari bekerja. Dari segi pencapaian, kadar permohonan yang diproses dalam tempoh Tekad Pemedulian Orang Ramai (TPOR) satu hari pada tahun 2025 adalah sekitar 84.3 peratus. Ini menunjukkan adanya peningkatan sebanyak 11.6 peratus jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, dan sebanyak 27.0 peratus berbanding tahun 2022.

Platform OCP juga membolehkan orang ramai mengesahkan status pendaftaran syarikat dan kesahihan Sijil Pendaftaran Perniagaan, sekali gus menyokong usaha melindungi kepentingan komuniti perniagaan dan orang ramai daripada entiti yang meragukan.

Walau bagaimanapun, beberapa cabaran telah dikenal pasti iaitu:

- i. Pertama, tahap pematuhan (*compliance*) yang rendah terhadap keperluan kawal selia (*regulatory requirements*) di bawah Akta Syarikat (Penggagal 39), Akta Nama Perniagaan (Penggagal 92) dan Akta Cukai Pendapatan (Penggagal 35), khususnya dalam pengemukaan *Annual Returns dan Income Tax Returns*, yang menjadi prasyarat pemprosesan permohonan; dan

-
- ii. Kedua, masih terdapat segelintir peniaga yang belum berdaftar di dalam platform OCP. Bagi memastikan para peniaga dapat memanfaatkan sistem digital ini sepenuhnya, usaha untuk meningkatkan kadar penyertaan terus dilaksanakan melalui sesi pemberitaan dan perjumpaan bagi memberikan bimbingan teknikal dan memupuk kesedaran tentang kelebihan pendaftaran menyeluruh.

Sehubungan itu, pihak Kementerian sedang meneliti langkah- langkah penambahbaikan, termasuk mengkaji opsyen untuk memperkemaskan lagi proses pendaftaran dan meneroka kerjasama strategik yang bersesuaian bagi meningkatkan lagi kecekapan dan kualiti penyampaian perkhidmatan.

No. Soalan: PL022

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DR. AWANG HAJI MAHALI BIN HAJI MOMIN meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah mekanisme bagi mengawal urustadbir pelaburan langsung asing? Apakah usaha bagi memastikan peraturan, prosedur dan kebolehjangkaan keputusan pelaburan dalam konteks prestasi FDI yang lemah dan aliran keluar bersih pelaburan?

JAWAPAN:

Pihak Kerajaan melaksanakan kawal urus pelaburan langsung asing (FDI) melalui rangka kerja dasar dan peraturan pelaburan yang komprehensif, dengan proses penilaian serta kelulusan yang melibatkan beberapa agensi utama Kerajaan bagi memastikan keputusan dibuat secara telus dan selaras dengan kepentingan strategik Negara. Ianya juga berasaskan pendekatan '*whole-of-government*' bagi memastikan setiap cadangan dinilai secara menyeluruh.

Sebagai agensi peneraju FDI di Negara Brunei Darussalam, pihak Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) berperanan untuk melaksanakan penilaian awal bagi setiap cadangan pelaburan yang diterima. Proses ini melibatkan juga kementerian dan agensi berkepentingan yang relevan iaitu untuk membolehkan sebarang isu atau kebimbangan dapat dikenal pasti dan ditangani awal sebelum dibawa ke peringkat pertimbangan seterusnya. Ini bukan sahaja akan dapat memperkukuhkan tadbir urus, malah mengurangkan risiko kelewatan serta meningkatkan kepastian dalam proses membuat keputusan.

Cadangan yang telah diteliti dari segi teknikal dan fiskal kemudiannya akan dibentangkan pula di dalam Jawatankuasa Pandu Pelaburan Langsung Asing dan Industri Hiliran (Jawatankuasa Pandu FDIDI) yang mana ahli-ahlinya terdiri daripada beberapa Menteri-Menteri Kabinet, dan bertujuan untuk menilai kesesuaian strategik pelaburan tersebut selaras dengan keutamaan pembangunan negara. Struktur ini memastikan keputusan akan dapat dibuat secara kolektif, telus dan berakauntabiliti.

Berhubung dengan kebolehjangkitan dan ketelusan keputusan pelaburan, Kerajaan turut memberi tumpuan kepada pengukuhan persekitaran perniagaan, pengkalan pelabur sedia ada serta penggalakan pelaburan berkualiti tinggi yang berpotensi menjana nilai tambah ekonomi dan peluang pekerjaan secara mampan. Antara usaha berterusan yang dilaksanakan termasuk menyediakan platform pemudahcara bagi membantu para pelabur dalam proses pelaksanaan pelaburan mereka. Ini merangkumi juga bantuan penyelarasan bersama agensi-agensi yang berkepentingan, pemantauan garis masa pemprosesan serta saluran penyelesaian isu secara berpusat.

Selain itu, pengawalselia sektor-sektor berkaitan serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan turut memastikan pematuhan terhadap keperluan peraturan, termasuk aspek percukaian dan pemfailan yang berkaitan. Agensi-agensi Kerajaan juga bekerjasama secara bersepadu untuk meningkatkan prestasi FDI Negara, termasuk memastikan pembangunan tenaga kerja yang mencukupi, yang merupakan antara petunjuk prestasi utama (KPI) yang sentiasa dipantau.

Dalam konteks prestasi FDI yang lemah dan *net outflow of investment*, perkara ini perlu dilihat dalam perspektif yang lebih luas. Secara global, aliran FDI telah menunjukkan tren yang lebih sederhana dalam beberapa tahun kebelakangan ini berikutan ketidaktentuan ekonomi, keadaan kewangan yang lebih ketat serta faktor pergolakan geopolitik yang telah mempengaruhi keputusan pelaburan rentas sempadan.

Negara Brunei Darussalam juga tidak terkecuali daripada terkesan oleh perkembangan global tersebut. Walau bagaimanapun, bagi Brunei Darussalam, aliran keluar bersih yang direkodkan dalam tempoh tertentu sebahagiannya juga dipengaruhi oleh pembayaran balik hutang serta penstrukturan semula kewangan oleh syarikat multinasional, dan tidak semestinya mencerminkan penarikan pelaburan secara keseluruhan.

Walhal, pada masa yang sama, jumlah projek yang telah diluluskan menunjukkan peningkatan, dan ada terdapat pelabur-pelabur yang sudah bertapak di NBD yang telah membuat pelaburan tambahan serta peluasan kapasiti bagi operasi mereka. Ini mencerminkan adanya keyakinan berterusan terhadap kestabilan dasar dan persekitaran perniagaan negara.

No. Soalan: PL150

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI** menyatakan jika kementerian mempunyai perancangan untuk menggubal undang-undang berkaitan perwarisan tanpa wasiat (*Intestate Succession*), khususnya bagi memberikan kepastian terhadap pengurusan dan pembahagian harta pusaka orang bukan islam, memastikan pembahagian yang adil dan mengurangkan pertikaian dalam kalangan waris?

JAWAPAN:

Pejabat Peguam Negara pada masa ini telah meneliti pendekatan yang bersesuaian untuk menangani jurang dalam peraturan pengagihan harta pusaka bagi bukan Muslim melalui penggubalan undang-undang khusus mengenai perwarisan tanpa wasiat.

Untuk makluman Yang Berhormat, penggubalan undang-undang kini adalah dalam tahap peringkat akhir dan telah turut melibatkan perundingan dengan beberapa pihak yang berkepentingan serta penerimaan maklum balas daripada Kementerian dan Jabatan Kerajaan berkaitan.

No. Soalan: PL077

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG HAJI MOHAMAD DANIAL @ TEKPIN BIN YA'AKUB meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan perancangan dalam memastikan tahap sosioekonomi rakyat dapat meningkat sejajar dengan perubahan teknologi, struktur ekonomi dan kos sara hidup semasa?

JAWAPAN:

Secara amnya, Kerajaan mengambil pendekatan yang menyeluruh dan berimbang, meliputi langkah jangka pendek bagi menangani tekanan kos sara hidup serta strategi jangka panjang untuk menjana pertumbuhan pendapatan, memperkukuh daya tahan ekonomi dan meningkatkan kualiti hidup rakyat secara mampan.

Dalam konteks ini, Kerajaan terus menyediakan subsidi bagi barangan dan perkhidmatan asas, melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan harga, serta memperkukuh perlindungan pengguna. Usaha juga dipergiat untuk meningkatkan pengeluaran domestik, khususnya dalam sektor makanan, bagi mengurangkan kebergantungan kepada import. Di samping itu, pelaburan berterusan dalam perkhidmatan awam seperti kesihatan, pendidikan dan infrastruktur asas membantu mengurangkan perbelanjaan isi rumah serta menyokong kuasa beli rakyat.

Seiring dengan transformasi teknologi dan ekonomi, penekanan diberikan kepada pendidikan, pembelajaran sepanjang hayat serta program peningkatan dan latihan semula kemahiran (*upskilling and reskilling*), termasuk dalam bidang digital dan teknologi baharu seperti *Artificial Intelligence* (AI). Pembangunan keusahawanan turut diperkasa bagi memperluas penyertaan rakyat dalam aktiviti ekonomi bernilai tambah tinggi (*value-added*). Inisiatif di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB), sebagai contoh telah melatih lebih 20,000 peserta dan menyumbang kepada penubuhan ratusan perusahaan baharu serta peluang pekerjaan.

Pada masa yang sama, usaha mempelbagaian ekonomi terus diperkukuh melalui pembangunan sektor-sektor keutamaan seperti hiliran minyak dan gas, makanan, perkhidmatan, ICT dan pelancongan, dengan gabungan pelaburan langsung asing (FDI) yang berkualiti serta pengukuhan perusahaan tempatan termasuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana. Sehingga kini, 25 syarikat FDI di bawah portfolio BEDB

telah beroperasi dan mewujudkan kira-kira 4,000 peluang pekerjaan, hampir separuh daripadanya diisi oleh rakyat tempatan. Selain itu, 18 projek FDI bernilai USD5.6 bilion yang telah diluluskan setakat Januari 2026 dijangka menambah sekitar 3,000 peluang pekerjaan secara berperingkat.

Melalui Rancangan Kemajuan Negara, pelbagai projek infrastruktur dan sosial turut dilaksanakan, termasuk perumahan mampu milik, penaiktarafan sistem bekalan air, pelaksanaan *Smart Transport System* dan Sistem Pengangkutan Awam, serta pembinaan dan penaiktarafan jalan raya, jejantas seperti Jejambat (*Flyover*) di Persimpangan Lebuhraya Muara–Tutong di kawasan perindustrian Tanjong Kajar, bagi menyokong aktiviti ekonomi dan mempertingkatkan mobiliti rakyat.

Projek dalam sektor pertanian, perikanan dan perhutanan juga dilaksanakan bagi meningkatkan pengeluaran domestik dan menjana peluang pekerjaan, di samping pelaburan berterusan dalam prasarana kesihatan, kemudahan keagamaan dan infrastruktur ICT bagi menyokong pembangunan modal insan dan mempertingkatkan kesejahteraan sosial secara menyeluruh.

Keseluruhannya, pendekatan ini bertujuan memastikan pertumbuhan ekonomi yang dijana dapat diterjemahkan kepada peluang pekerjaan berkualiti, peningkatan pendapatan dan kesejahteraan sosioekonomi rakyat secara inklusif dan mampan dalam jangka panjang.

No. Soalan: PL047 & PL107

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED**

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT AWANG ZAINOL BIN HAJI MOHAMED meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan berkenaan pelan kesiapsiagaan bagi menangani cabaran dalam sektor minyak dan gas dan sektor manakah yang dijangka dapat mengimbangi keperluan dalam mempelbagaikan ekonomi berdasarkan kapasiti semasa negara?

YANG BERHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan status pencapaian empat (4) kluster utama ekonomi dan perancangan untuk review/restrategise pelaksanaannya yang mengambilkira perkembangan terkini seperti perubahan geo-politik, perkembangan teknologi terutamanya AI, perubahan iklim, tenaga yang diperbaharui, yang berpotensi merubah corak permintaan, penggunaan, dan rantaian pembekalan?

JAWAPAN:

Cabaran-cabaran global yang semakin kompleks sememangnya boleh memberi kesan kepada pembangunan ekonomi negara kita. Pada itu, usaha-usaha untuk mempelbagaikan ekonomi negara haruslah dipercepatkan lagi, terutamanya juga dalam mengurangkan kebergantungan kepada sektor minyak dan gas.

Dalam mendokong hal ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil pendekatan yang terancang dan berfasa, berpandukan hala tuju pembangunan ekonomi yang digariskan di dalam *Brunei Darussalam Economic Blueprint*. Fokus utama adalah ditumpukan kepada pembangunan sektor-sektor bukan minyak dan gas yang berdaya saing dan berorientasikan eksport.

Ini tertumpu khususnya jua kepada lima Sektor Keutamaan yang telah dikenalpasti, iaitu Sektor Hiliran Minyak dan Gas, Sektor Makanan, Sektor Perkhidmatan (termasuk maritim dan logistik), Sektor Pelancongan dan juga Sektor ICT, yang mana akan terus menjadi penggerak pertumbuhan untuk menerajui pembangunan dan kepelbagaian ekonomi negara.

Alhamdulillah, sektor-sektor keutamaan tersebut telahpun mencatatkan pertumbuhan KDNK yang menggalakkan dengan mencatat purata pertumbuhan sebanyak 5.5 peratus setahun dalam tempoh 10 tahun kebelakangan, iaitu meningkat daripada BND2.4 bilion pada tahun 2015 kepada BND4.0 bilion pada tahun 2025.

Pencapaian ini dipacu oleh hasil daripada inisiatif-inisiatif strategik yang telah giat dilaksanakan merentas lima Sektor Keutamaan tersebut, terutamanya juga dengan menarik pelaburan-pelaburan yang berimpak tinggi yang telah dapat memperluaskan rantai nilai dan meningkatkan kapasiti pengeluaran domestik, antara contohnya adalah seperti:

- Di dalam Sektor Hiliran Minyak dan Gas, dengan pelaksanaan projek Kompleks Penapisan dan Petrokimia Hengyi Industries di Pulau Muara Besar (PMB), iaitu projek pelaburan asing langsung (FDI) yang terbesar di negara ini dan memainkan peranan penting dalam mengukuhkan keselamatan tenaga di Negara Brunei Darussalam dan memacu pertumbuhan ekonomi.

Usaha ini akan dilanjutkan lagi dengan Projek Peluasan Fasa 2, yang dijadualkan siap pada akhir tahun 2028 dan akan meningkatkan kapasiti penapisan kepada 20 juta tan metrik setahun (400,000 tong sehari), berbanding kapasiti sebanyak 8 juta tan setahun pada masa ini. Di samping itu, ianya akan juga membolehkan penghasilan produk-produk petrokimia terbitan bernilai tinggi (*high-value derivatives*) seperti *ethylene*, *poly-ethelene* dan *butadiene* serta mewujudkan aktiviti huluan lanjut (*further downstream activities*) baharu termasuk produk-produk pengguna seperti tekstil dan karpet. Selain impak ekonomi, Projek Fasa 2 ini juga dijangka akan mewujudkan lebih 2,000 peluang pekerjaan baharu.

- Dalam Sektor Perkhidmatan, khususnya di dalam bidang maritim dan logistik, perkembangan aktiviti-aktiviti perkhidmatan di Pelabuhan Muara mencerminkan keyakinan yang kian meningkat daripada pengguna-pengguna serantau dan antarabangsa, dan seterusnya mengukuhkan lagi hasrat negara untuk menjadi hab logistik yang cekap. Pelabuhan Muara kini menawarkan 9 laluan perkapalan (*shipping routes*) ke 12 destinasi melalui 6 syarikat perkapalan (*shipping lines*). Memandang ke hadapan, hasrat yang disasarkan adalah untuk meningkatkan pencapaian ini kepada lebih banyak lagi laluan

perkapalan, seterusnya meningkatkan destinasi dan jumlah syarikat perkapalan.

Perkembangan ini antara lainnya telah didokong dengan adanya penubuhan syarikat usaha sama baharu iaitu NEXT Bahtera Maritime Sdn Bhd pada Februari 2026 yang menghubungkan Pelabuhan Muara dengan pelabuhan-pelabuhan strategik seperti Lianyungang di Republik Rakyat China, Jakarta di Republik Indonesia, dan Subic di Republik Filipina. Syarikat ini telah ditubuhkan bagi melengkapkan kerjasama logistik sedia ada dan mengurangkan kebergantungan kepada rangkaian perkapalan luar, serta memperkukuh kedudukan negara dalam rangkaian bekalan serantau. Selain itu, penubuhan laluan perkapalan terus oleh Shandong International Transportation Corporation (SITC) dan Warisan Shipping Lines yang menghubungkan Pelabuhan Muara ke Pelabuhan Qinzhou, juga telah memendekkan tempoh pelayaran daripada 12 hari kepada 7 hari.

- Seterusnya, usaha-usaha di Sektor Makanan telahpun difokuskan kepada peningkatan produktiviti yang dipacu melalui penerapan inovasi dan teknologi terkini seperti melalui *vertical farming*, *aquaponics*, teknologi pertanian tepat (*precision farming*), penggunaan IoT bagi penambahbaikan tanaman, serta penggunaan sistem solar dan pemantauan AI bagi aktiviti akuakultur.

Cadangan pembangunan projek-projek strategik seperti *Agri-Tech Food Zone* dan *Aquaculture Innovation Centre* di Negara Brunei Darussalam dengan kerjasama Kerajaan Singapura serta juga penaiktarafan fasiliti *Brunei Food Industry Development* (BFID) (yang dijangka akan beroperasi pada suku pertama Tahun Kewangan 2026/2027) merupakan antara inisiatif-inisiatif yang sedang diusahakan untuk meningkatkan lagi kapasiti pengeluaran tempatan dan memperkukuhkan daya tahanan bekalan makanan negara.

- Sektor ICT berperanan penting sebagai pemudahcara (*enabler*) utama dalam usaha peningkatan produktiviti merentas industri. Pada itu, Negara gigih berusaha untuk memperkukuhkan lagi infrastruktur digital, iaitu antarlainnya dengan pembangunan pusat data yang berasaskan AI, serta fasiliti pusat data dengan reka bentuk yang diperakui Tier III bertaraf antarabangsa, yang mana akan memperkukuh perkhidmatan *co-location hosting* kepada perusahaan, agensi Kerajaan dan penyedia perkhidmatan domestik untuk menampung pengendalian pemprosesan *workload* yang lebih cekap.

Usaha penerapan AI selaras dengan perkembangan teknologi terkini juga semakin mendapat perhatian di ekonomi negara kita. Ini dapat dilihat seperti melalui adanya pelaksanaan GPU AI berprestasi tinggi melalui pelancaran platform aplikasi AI pertama negara bagi menyokong Kementerian Kesihatan

serta pengguna aplikasi BruHealth; dan juga inisiatif dalam mengintegrasikan teknologi AI serta *SMART Customs* di dalam proses pelepasan barangan secara automatik bagi perdagangan rentas sempadan melalui perancangan usaha transformasi *Brunei Darussalam National Single Window* (BDNSW).

- Manakala di dalam Sektor Pelancongan, usaha-usaha yang memfokus kepada eko-pelancongan juga sedang giat dilaksanakan, selaras dengan usaha bagi memperkukuh dan mempelbagaikan produk pelancongan menjelang Tahun Melawat Brunei 2027.

Insyaa-Allah, Kerajaan akan sentiasa terus komited dalam memastikan pembangunan ekonomi negara, khususnya jua melalui lima kluster keutamaan ini, bukan sahaja berdaya tahan (*resilient*) terhadap kejutan luar, malah fokus terhadap aktiviti yang lebih bernilai tambah tinggi, berintensifkan teknologi dan lebih mampan. Tumpuan kepada pembangunan yang lebih inklusif juga akan diteruskan, terutamanya juga dalam memastikan penjana peluang pekerjaan yang berkualiti dan mencukupi bagi rakyat tempatan kitani dalam jangka masa panjang.

Usaha-usaha bagi memperkasa dan meningkatkan kapasiti dan keupayaan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) juga akan terus dipergiatkan, melalui program-program bimbingan dan pemandanan perniagaan, latihan berfokus serta bantuan akses pembiayaan, agar mereka akan dapat terus menyumbang kepada usaha mempelbagaian ekonomi yang lebih mampan.

Dengan perancangan yang teliti, urustadbir yang kukuh serta komitmen bersepadu daripada kesemua pihak, Insyaa-Allah, ekonomi Negara Brunei Darussalam akan mampu kekal berdaya tahan dan berdaya saing dalam menghadapi apa saja cabaran global yang akan datang.

No. Soalan: PL110

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT PEHIN ORANG KAYA LAILA SETIA DATO SERI SETIA AWANG HAJI ABD. RAHMAN BIN HAJI IBRAHIM meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan apakah tindakan Kementerian dalam mengukuhkan kapasiti pemain industri dalam Kewangan Islam termasuk dalam pengharmonian pengawalseliaan, inovasi kewangan dan peningkatan pengetahuan, bagi memastikan daya tahan, daya saing serta melahirkan lebih ramai pakar kewangan tempatan?

JAWAPAN:

Dalam mengukuhkan kapasiti pemain industri kewangan Islam, pihak Kementerian, melalui Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), mengambil pendekatan bersepadu melalui pengukuhan rangka pengawalseliaan, pemacuan inovasi, dan pembangunan modal insan.

Dari sudut pengawalseliaan, penekanan diberikan kepada penyelarasan piawaian dan tadbir urus Syariah bagi memastikan industri beroperasi dalam persekitaran yang stabil, telus, dan berdaya tahan. Pendekatan ini penting bagi meningkatkan keyakinan pasaran serta memperkukuh daya saing institusi kewangan Islam di peringkat domestik dan serantau.

BDCB juga telah menganjurkan Muzakarah Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah sebanyak empat kali sejak ia diperkenalkan pada tahun 2020. Muzakarah ini merupakan platform dialog berterusan antara pengawal selia dan industri untuk bertukar pandangan, berkongsi isu, serta menyelaraskan pemahaman dalam perkara-perkara berkaitan Syariah. Pendekatan ini menggalakkan keharmonian dalam pelaksanaan tadbir urus Syariah merentasi industri.

Dari aspek inovasi pula, pelbagai platform dan penyelidikan diwujudkan bagi menggalakkan penerokaan bidang baharu seperti pendigitalan kewangan Islam. BDCB telah mengeluarkan beberapa garis panduan Syariah yang bertujuan untuk dijadikan rujukan dalam penstrukturan produk kewangan Islam. Melalui FinTech Regulatory Sandbox yang ditubuhkan pada tahun 2017, syarikat permulaan FinTech ataupun FinTech *start-ups* juga boleh menguji produk kewangan Islam digital dalam

persekitaran pengawalseliaan yang fleksibel dan tempoh masa dan parameter yang diperuntukkan. Inisiatif seperti *Call-for-Papers* yang diungkapkan bersama Brunei Darussalam Islamic Finance (BDIF) Symposium berperanan sebagai pemangkin kepada dialog strategik antara industri, akademik dan pembuat dasar, sekaligus memperkukuh ekosistem inovasi yang mampan.

Manakala dari segi pembangunan kapasiti, tumpuan diberikan kepada peningkatan kompetensi profesional melalui program pensijilan dan latihan khusus dalam bidang fiqh muamalat, sukuk dan perancangan kewangan Islam yang ditawarkan oleh Brunei Institute of Leadership & Islamic Finance (BILIF), iaitu *training arm* BDCB, serta pusat-pusat latihan di luar negara. Pendekatan ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai pakar kewangan Islam tempatan yang bukan sahaja memiliki kelayakan teknikal, malah mampu memimpin inovasi dan pembangunan industri.

Selain itu, pada bulan Ogos 2025, BDCB juga telah mengeluarkan Draf Rangka Kerja Kompetensi Penasihat Syariah sebagai komponen utama dalam Strategi Pembangunan Penasihat Syariah. Rangka kerja ini menggariskan keperluan latihan dan kompetensi Penasihat Syariah serta menjadi rujukan kepada institusi kewangan Islam dalam pelantikan, penilaian prestasi, pembangunan latihan, dan perancangan penggantian Badan Penasihat Syariah.

Sejak kewangan Islam mula diperkenalkan pada tahun 1991, secara keseluruhannya, seramai 40 orang telah dilantik sebagai ahli badan penasihat Syariah di Negara Brunei Darussalam. Daripada jumlah tersebut, seramai 25 orang masih aktif menjalankan tugas sebagai badan penasihat Syariah di industri kewangan Islam tempatan dan juga di peringkat Lembaga Penyeliaan Kewangan Syariah. Peranan mereka ini amat penting demi memastikan pelaksanaan sistem kewangan Islam adalah patuh Syara'.

Secara keseluruhannya, usaha-usaha ini dilaksanakan bagi memastikan industri kewangan Islam negara kekal berdaya tahan, berdaya saing dan mampu menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara selaras dengan aspirasi Wawasan 2035.

No. Soalan: PL053

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERTHORMAT AWANG LAU HOW TECK**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERTHORMAT AWANG LAU HOW TECK meminta **MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DAN MENTERI KEWANGAN DAN EKONOMI II** menyatakan usaha kementerian dalam meningkatkan keyakinan pengusaha dan pelabur tempatan? Apakah langkah yang perlu diperkukuh bagi memastikan persekitaran perniagaan negara kekal stabil, boleh dijangka dan kondusif bagi mempermudah pelaburan jangka panjang?

JAWAPAN:

Dalam meningkatkan keyakinan pengusaha dan pelabur tempatan, Kerajaan melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi terus komited dalam memastikan adanya dasar-dasar yang konsisten, urus tadbir yang baik dan pemantauan yang dibuat secara berterusan serta berasaskan data bagi meningkatkan lagi keberkesanan usaha-usaha yang dijalankan.

Di dalam mendokong pembangunan kapasiti pengusaha dan pelabur tempatan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi melalui Lembaga Kemajuan Ekonomi Brunei (BEDB) berperanan sebagai *'key enabler'* dengan melaksanakan pelbagai inisiatif. Ini termasuk seperti penyediaan dan penawaran tapak-tapak perindustrian termasuk kemudahan-kemudahan yang diberikan serta infrastruktur asas seperti jalan raya serta penyediaan kemudahan utiliti seperti bekalan elektrik dan air, iaitu sepertimana jua sokongan yang diberikan kepada syarikat-syarikat luar asing (FDI).

Selain itu, BEDB mendokong perusahaan dan pelabur tempatan dengan memudahcara akses ke pasaran domestik melalui platform tempatan, yang mana akan membantu syarikat tempatan untuk mengukuhkan kedudukan perniagaan mereka di pasaran domestik sebagai asas kepada pengembangan ke pasaran serantau dan global. BEDB turut juga menyediakan sokongan tambahan kepada para pelabur dalam merangka dan melaksanakan pelan eksport masa hadapan bagi produk mereka, iaitu melalui inisiatif-inisiatif seperti khidmat nasihat, pembangunan kapasiti dan latihan, promosi serta pepadanan perniagaan.

Dalam menambahbaik ekosistem perniagaan dan tadbir urus yang *pro-business*, BEDB telah memperkenalkan beberapa inisiatif seperti *BEDB Engagement Series*, *Roundtable Dialogue with Business Community*, *MSME Roundtable Series* dan juga Sesi Dialog dan kerjasama erat dengan Dewan-Dewan Perniagaan dan Pertubuhan

Perniagaan tempatan. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk memperkukuh kolaborasi di antara sektor awam dan swasta, sekali gus membantu pihak Kerajaan memahami serta menangani cabaran yang dihadapi oleh pihak perniagaan, ke arah menyokong pewujudan ekosistem yang lebih pro-business dan berdaya tahan.

Selain itu, dalam memantapkan lagi persekitaran perniagaan yang lebih kondusif, usaha-usaha untuk meningkatkan penyelarasan bersepadu antara agensi kerajaan secara pendekatan *whole-of-government* akan terus dipertingkatkan. Dengan adanya penyelarasan yang bersepadu, ianya akan dapat memastikan proses-proses kelulusan yang berkaitan, penyediaan rangka kerja dan peraturan, serta pemantauan berkesan akan dapat dijalankan dengan lebih telus, cekap dan bersepadu dan juga akan dapat mengurangkan sebarang pertindihan kerja.

Penerapan penggunaan teknologi perlu juga diperluaskan lagi di kalangan pengusaha tempatan selaras dengan arus perkembangan ekonomi global, agar mereka dapat lebih berdaya saing di pasaran domestik dan antarabangsa. Selain itu, inisiatif pendigitalan juga perlu dipercepatkan, khususnya bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan proses-proses pelesenan dan permit kerajaan, ke arah mencapai tahap kecekapan ekosistem perniagaan negara yang lebih tinggi.

Secara keseluruhannya, langkah-langkah ini Insya-Allah akan dapat menyumbang kepada pewujudan persekitaran perniagaan yang lebih stabil, boleh dijangka dan kondusif, sekaligus membolehkan para pelabur membuat perancangan jangka panjang dengan lebih yakin serta menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan.

No. Soalan: PL155

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE**

TARIKH : **28.03.2026 [SABTU]**

SOALAN:

YANG BERHORMAT DAYANG CHONG CHIN YEE meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini pelaksanaan Unit Perlindungan Kanak-Kanak (*Child Safeguarding Units*), yang telah ditubuhkan di keempat-empat daerah bagi memperkukuh tindak balas terhadap kes penderaan dan pengabaian kanak-kanak.

JAWAPAN:

Perlindungan kanak-kanak merupakan tanggungjawab bersama yang memerlukan kerjasama seluruh negara. Kementerian Kesihatan berperanan sebagai rakan strategik yang menyokong dari aspek klinikal, pengesanan awal serta intervensi kesihatan, khususnya dalam mengenal pasti tanda-tanda penderaan dan pengabaian serta memastikan rawatan dan perlindungan yang sewajarnya diberikan kepada mangsa.

Pada masa ini, Unit Perlindungan Kanak-Kanak (*Child Safeguarding Units*) masih belum ditubuhkan di keempat-empat daerah. Namun demikian, Kementerian Kesihatan bersama agensi berkepentingan sedang membangunkan asas bagi penubuhan pusat perlindungan bersepadu (*Child Safeguarding Hubs*), yang akan menghimpunkan perkhidmatan kesihatan, sosial, pendidikan dan penguatkuasaan di bawah satu bumbung.

Sejak Januari 2024, seramai 466 pegawai dan kakitangan termasuk doktor, jururawat dan ahli profesional bersekutu telah menjalani kursus bulanan di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS). Latihan ini memberi pengetahuan asas mengenai penderaan dan pengabaian kanak-kanak, kaedah pengesanan serta langkah intervensi yang bersesuaian.

Di samping itu, bengkel penulisan (*writeshop*) sedang dilaksanakan untuk membangunkan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang seragam antara agensi, meliputi peranan yang jelas, aliran rujukan, mekanisme perkongsian maklumat serta garis masa tindakan bagi memastikan respons yang lebih teratur dan berkesan.

Kementerian Kesihatan turut bekerjasama rapat dengan Jabatan Pembangunan Masyarakat (Department of Community Development, JAPEM), Pasukan Polis Diraja Brunei dan Biro Kawalan Narkotik, selaras dengan *National Framework on Child*

Protection (NFCP) yang menekankan pendekatan bersepadu dan berpusatkan kepentingan terbaik kanak-kanak.

Dengan usaha berterusan ini, penubuhan pusat perlindungan bersepadu dijangka dapat dilaksanakan secara berperingkat, dengan penekanan kepada penyelarasan yang jelas antara agensi, mempercepatkan intervensi lebih, mengurangkan pertindihan fungsi serta memastikan kebajikan dan keselamatan kanak-kanak sentiasa menjadi keutamaan.